

SIRI JEJAK KEHIDUPAN



# PANDUAN GURU UNTUK BUKU KERJA AKTIVITI MURID

## MENGEMUDI PANDANGAN DUNIA



## BERDASARKAN ALKITAB



SAMPLE

SIRI JEJAK KEHIDUPAN

PANDUAN GURU  
UNTUK BUKU KERJA  
AKTIVITI MURID

MENGEMUDI  
PANDANGAN  
DUNIA  
BERDASARKAN ALKITAB

---

---

# Hak Cipta



Hak Cipta © 2025 Pristine World Sdn Bhd

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan atau multimedia ini yang boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, pengimbasan atau lain-lain, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pemilik hak cipta.

Kecuali dinyatakan sebaliknya, semua visual, foto dan ilustrasi dalam buku ini adalah hak milik Pristine World Sdn Bhd.

Petikan ayat Alkitab diambil daripada ALKITAB VERSI BORNEO © Hak cipta 2015 oleh Borneo Sabda Limited. Digunakan dengan kebenaran Zondervan. Hak cipta terpelihara.

# ISI KANDUNGAN

1. Apakah itu Pandangan Dunia?	4
2. Memulakan Perjalanan Sebagai Orang Kristian – Kepentingan Doa, Alkitab, dan Persekutuan Kristian yang Akrab	6
3. Krisis Identiti – Siapakah Tuhan dan Siapakah Saya?	8
4. Kuasa dan Kepentingan Alkitab sebagai Sebuah Dasar bagi Pandangan Dunia Kristian	10
5. Apakah itu Dosa dan Akibat-akibat Dosa?	12
6. Rancangan Penyelamatan Tuhan dan Bertumbuh dalam Iman	14
7A. Pengenalan untuk Memahami Pandangan Dunia yang Berbeza tentang Etika, Identiti Jantina, Tujuan dalam Hidup dan Cinta	16
7B. Pengenalan untuk Memahami Pandangan Dunia yang Berbeza tentang Budaya, Tradisi Keluarga, Etika Hidup dalam Pekerjaan dan Sebagai Seorang Pelajar, Pilihan Kerjaya, & Kumpulan Rakan	18
8. Hubungan dengan Keluarga dan Rakan-rakan	20
9. Memadankan Iman berdasarkan Alkitab dengan Sains – Adakah Wujud Apa-apa Konflik?	22
10. Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab tentang Bagaimana Kita Menjaga Diri Kita dan Sumber-sumber yang Kita Miliki	24
11. Penggunaan Teknologi dan Pemuridan Secara Digital	26
12. Beberapa Perkara yang Perlu Diperhatikan dalam Kehidupan Manusia	29
13. Pandangan Alkitab tentang Seksualiti	31
14. Pandangan Alkitab tentang Ketagihan	33
15. Bagaimanakah Orang Kristian Menjawab Soalan-soalan yang Sukar?	35
16. Mengaplikasikan Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab dalam Kehidupan Sehari-hari	37

# Bab 1: Apakah itu Pandangan Dunia?



*Sebuah pandangan dunia adalah seperti sebuah kanta yang melaluinya kita melihat dan mentafsir peristiwa-peristiwa di dunia*



## Ringkasan Pelajaran

Sebuah pandangan dunia adalah seperti sepasang cermin mata yang membentuk bagaimana kita mentafsir dan memahami dunia di sekeliling kita. Semua orang mempunyai sebuah pandangan dunia yang dipengaruhi oleh pengalaman, pengetahuan, dan pengaruh yang mereka percayai, yang seterusnya mempengaruhi keputusan-keputusan yang kita lakukan dan bagaimana kita bertindak kepada cabaran-cabaran dunia. Semasa kita meningkat dewasa, beberapa faktor yang menyumbang dalam membentuk pandangan dunia kita: keluarga, pendidikan, media, budaya, dan bahkan kandungan-kandungan atas talian. Pengaruh-pengaruh ini boleh sama ada menguatkan atau mencabar kepercayaan asas kita, terutamanya semasa tahun-tahun pembentukan. Disebabkan itulah membentuk sebuah pandangan berdasarkan Alkitab sangat penting bagi orang Kristian. Sebuah pandangan dunia yang berdasarkan Alkitab menawarkan sebuah asas yang kukuh yang berakar dalam kebenaran Tuhan yang tidak berubah, memberikan kejelasan, arah, dan tujuan di tengah-tengah ketidakpastian hidup.

Alkitab bertindak sebagai batu penjuruan bagi sebuah pandangan dunia yang berdasarkan Alkitab, menawarkan panduan yang tidak lapuk dek zaman yang telah membantu orang-orang yang percaya mengemudi kesukaran hidup selama lebih daripada 2,000 tahun. Dengan bergantung kepada Ayat Alkitab, orang Kristian dapat melakukan keputusan-keputusan yang bijak, membezakan kebenaran daripada kepalsuan, dan menyelarikan kehidupan mereka dengan tujuan Tuhan.

## Pengajaran Utama:

1. Definisi Pandangan Dunia: Sebuah pandangan dunia adalah kanta yang melaluinya kita mentafsirkan kehidupan.
2. Pengaruh-pengaruh dalam Pandangan Dunia: Keluarga, sekolah, media, budaya, dan pengalaman peribadi memainkan peranan yang penting.
3. Kepentingan sebuah Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab: Ia membuatkan orang Kristian berpegang pada kebenaran, membantu mereka mengemudi cabaran dan hidup dengan tujuan.
4. Langkah-langkah Praktikal: Berdoa, belajar Alkitab, dan persekutuan dengan orang-orang percaya yang lain adalah penting untuk mengekalkan sebuah pandangan dunia berdasarkan Alkitab.

Dengan niat untuk membina pandangan dunia kamu berdasarkan kebenaran-kebenaran yang boleh dipercayai dalam Ayat Alkitab, kamu akan dapat memahami dunia ini dengan lebih baik, membuat keputusan yang baik, dan menjalani kehidupan yang memuliakan Tuhan.

## Jawapan Contoh untuk Buku Kerja Murid

### **Bahagian 1**

Jawab Betul (B) atau Salah (S) bagi pernyataan di bawah:

1. Betul
2. Salah
3. Salah
4. Betul
5. Betul
6. Salah

### **Bahagian 2**

1. *Menggunakan pengalaman-pengalaman lepas untuk membuat pilihan*
  - a. Cermin mata yang memperbetul pandangan yang kabur → Menggunakan pengalaman-pengalaman lepas untuk membuat pilihan
2. *Mencari maklumat yang boleh dipercayai apabila kamu tersesat*
  - b. Sebuah peta yang membantu mencari hala tuju → Mencari maklumat yang boleh dipercayai apabila kamu tersesat
3. *Mencuba untuk memahami peristiwa-peristiwa rawak dalam hidup.*
  - c. Sebuah kotak teka-teki yang menunjukkan gambaran besar tentang bagaimana kepingan-kepingan teka-teki sepatutnya disusun → Mencuba untuk memahami peristiwa-peristiwa rawak dalam hidup.
4. *Mencuba untuk memahami kelakuan buruk seseorang*
  - a. Cermin mata yang memperbetul pandangan yang kabur → Kita mungkin memerlukan bantuan daripada orang lain yang mempunyai kanta yang lebih baik untuk membantu kita melihat sebuah gambaran yang lebih jelas. Adakalanya kita memerlukan bantuan daripada rakan-rakan yang lebih matang.

### **Bahagian 2 – Memahami Bab Ini**

1. *Susunkan faktor-faktor ini berdasarkan pada apa yang paling mempengaruhi kamu:*
  - a. Lukiskan sebuah “Pohon Pengaruh”
3. *Senaraikan 3 perkara yang kamu sering tonton di media sosial, atau jenis-jenis perkara yang kamu gemar tonton atau lakukan di media sosial.*

### **Bahagian 3 – Soalan Perbincangan:**

1. *Dalam perkataan kamu sendiri, jelaskan apakah yang paling mempengaruhi pandangan dunia kamu, dan bagaimana pandangan dunia kamu mempengaruhi cara kamu melihat dan melakukan pilihan-pilihan?*

# Bab 2: Memulakan Perjalanan Sebagai Orang Kristian – Kepentingan Doa, Alkitab, dan Persekutuan Kristian yang Akrab

## Ringkasan Pelajaran

### • Menjadi Seorang Kristian:

- o Percaya dan terima Yesus sebagai penyelamat kamu, dan bertekad untuk mengikut ajaran-Nya.
- o Mengakui Tuhan sebagai Pencipta dan menyadari bahawa keselamatan adalah melalui iman dalam Yesus, bukan melalui perbuatan.

### • Kepentingan Doa:

- o Berkomunikasi dengan Tuhan melalui penyembahan, kesyukuran, syafaat, pengakuan dosa, dan menyampaikan keperluan peribadi.
- o Berdoa secara peribadi, dalam kumpulan-kumpulan kecil, dan sebagai sebahagian daripada gereja.

### • Kuasa Alkitab:

- o Alkitab adalah Firman Tuhan yang tidak berubah, memberikan panduan, teguran, dan pengajaran untuk kehidupan seharian.

### • Peranan Roh Kudus:

- o Roh Kudus memberi kuasa, membimbing, dan tinggal di dalam diri orang percaya, membantu mereka menjalani kehidupan yang berpusatkan Kristus.

### • Persekutuan Kristian:

- o Bersekutu dengan orang percaya yang lain memupuk pertumbuhan rohani, kebergantungan, dan galakan.
- o Ia juga menyediakan peluang untuk melayani dan menjadi kesaksian kepada orang lain.

### • Menjalani Kehidupan Kristian:

- o Melihat dunia melalui kanta iman dan ajaran Alkitab.
- o Berusaha melakukan perbuatan baik sebagai tindak balas untuk kasih kurnia Tuhan, bukan sebagai cara untuk memperoleh keselamatan.



*Kuasa Alkitab haruslah dijadikan sumber utama untuk segala panduan yang kita cari.*

## Jawapan Contoh untuk Buku Kerja Murid

### **Bahagian 1**

#### **Aktiviti 1: Memahami Keselamatan**

1. Berdosa
2. Iman
3. Kasih-Nya

### **Bahagian 2: Tindakan Doa**

1. Padankan setiap jenis doa dengan penerangannya:

- o *Memuji Tuhan atas kebesaran-Nya.*  
Penyembahan → Memuji Tuhan atas kebesaran-Nya.
- o *Meminta pertolongan untuk orang lain.*  
Kesyukuran → Mengucapkan syukur atas berkat Tuhan.

- o Mengakui dosa dan memohon pengampunan.  
Syafaat → Meminta pertolongan untuk orang lain.
  - o Mengucapkan syukur atas berkat Tuhan.  
Pengakuan → Mengakui dosa dan memohon pengampunan.
  - o Meminta Tuhan untuk memberikan keperluan peribadi  
Permintaan Keperluan → Meminta Tuhan untuk memberikan keperluan peribadi
2. Tulis satu doa pendek yang mengandungi sekurang-kurangnya tiga jenis doa di atas.  
“Ya Tuhan, saya menyembah-Mu atas kuasa dan kasih-Mu. Terima kasih atas keluarga dan sahabat saya. Tolonglah sahabat saya yang sedang sakit. Ampunilah saya kerana bersikap tidak sabar hari ini. Bimbinglah saya untuk melakukan kehendak-Mu. Amin.”

### **Aktiviti 3: Renungan Persekutuan**

1. Baca Ibrani 10:24-25. Jawapan: Mengapakah persekutuan penting bagi orang Kristian? Persekutuan menggalakkan kasih dan perbuatan-perbuatan yang baik dan ia memberikan sokongan dan kebertanggungjawaban.
2. Senaraikan dua cara kamu boleh terlibat secara aktif dalam sebuah komuniti Kristian.
  - Menyertai pembelajaran Alkitab atau kumpulan kecil.
  - Sukarela untuk membantu dalam aktiviti-aktiviti gereja.

### **Aktiviti 4: Alkitab sebagai Panduan Kita**

1. Lengkapkan ayat berikut:  
Lampu, Cahaya
2. Tulis satu sebab mengapa membaca Alkitab secara kerap itu penting.  
Membaca Alkitab membantu kita untuk memahami kehendak Tuhan dan melakukan pilihan-pilihan yang bijak.

### **Aktiviti 5: Meneroka Peranan Roh Kudus**

1. Baca Yohanes 14:26. Bagaimanakah Roh Kudus membantu orang Kristian?  
Roh Kudus mengajarkan kita semua perkara dan mengingatkan kita tentang ajaran-ajaran Yesus.
2. Senaraikan dua cara Roh Kudus bekerja dalam hidup kamu.
  - Memimpin saya untuk melakukan pilihan-pilihan yang tepat.
  - Membantu saya memahami ayat-ayat Alkitab.

### **Aktiviti 6: Melihat Dunia Melalui Iman**

1. Baca Roma 12:2. Apakah maksud “pembaharuan fikiranmu”?  
Ia bermaksud mengubah fikiran kamu untuk selari dengan ajaran Tuhan dan menolak pengaruh-pengaruh duniawi.
2. Tulis satu cara bagaimana kamu dapat melihat dunia melalui kanta iman.  
Dengan menunjukkan kebaikan kepada seseorang yang tidak baik, mengikuti ajaran Yesus untuk mengasihi orang lain.

### **Bahagian 2 – Soalan Perbincangan**

1. Pada fikiran kamu, mengapakah semua aktiviti yang disenaraikan dalam Ringkasan Pelajaran seperti: Percaya kepada Yesus, bertekad untuk mengikut Yesus, Berdoa, Peranan Roh Kudus dalam hidup kita, mempunyai persekutuan dengan orang Kristian yang lain, dan mengamalkan ajaran-ajaran Kristus dalam kehidupan kita, penting dalam Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab?  
Berikan pendapat kamu mengapakah setiap perkara yang disebutkan itu penting bagi kehidupan Kristian.
2. Adakah kamu ingin memperbaharui tekad kamu untuk mengikut Yesus dan menjadi seorang Kristian?

# Bab 3: Krisis Identiti – Siapakah Tuhan dan Siapakah Saya?

## Ringkasan Pelajaran

### 1. Tuhan ialah Pencipta

- Tuhan mencipta alam semesta, bumi, dan semua makhluk hidup. Dia memelihara kehidupan melalui hukum semulajadi yang telah ditetapkan-Nya.
- Pemahaman kita tentang Tuhan adalah secara berperingkat. Seperti pengetahuan kanak-kanak yang semakin bertumbuh, kita memperoleh pemahaman yang lebih mendalam dari semasa ke semasa, tetapi kita tidak akan pernah memahami kebesaran Tuhan sepenuhnya.
- Penemuan saintifik memperluas pengetahuan kita tetapi mengingatkan kita bahawa kita tidak mengetahui segalanya. Sebagai contoh, penemuan tentang atom, molekul, dan alam semesta sentiasa berkembang.

### 2. Ciri-ciri Tuhan

- Jalan dan pemikiran Tuhan adalah jauh lebih tinggi daripada jalan dan pemikiran kita (Yesaya 55:8-9). Dia hanya menunjukkan apa yang kita perlu fahami untuk kehidupan kita.
- Manusia adalah seperti tanah liat yang dibentuk oleh Tuhan, si tukang tembikar, dengan tujuan-tujuan yang tertentu (Roma 9:20-21).
- Alkitab mengajar kita bahawa Tuhan mencipta manusia menurut gambar-Nya, memberikan kita nilai dan maruah yang semula jadi (Kejadian 1:26-27).

### 3. Mengapa Kita Tidak Dapat Melihat atau Memahami Tuhan Sepenuhnya?

- Tuhan adalah Roh (Yohanes 4:24) dan tidak terbatas, melebihi batas deria fizikal dan pemahaman kita.
- Seperti gelombang radio yang tidak dapat kita lihat, kehadiran Tuhan adalah nyata tetapi tidak sentiasa kelihatan.
- Tuhan tidak terbatas. Sama seperti seekor belalang yang tidak mampu menghargai simfoni, kita tidak dapat memahami Tuhan sepenuhnya kecuali untuk apa yang telah dinyatakan-Nya kepada kita.
- Tuhan menyatakan diri-Nya melalui ciptaan, Alkitab, Roh Kudus, dan melalui Anak-Nya, Yesus Kristus.

### 4. Peranan Kita dalam Ciptaan Tuhan

- Manusia dicipta menurut gambar Tuhan, dengan nilai dan tujuan (Kejadian 1:27).
- Kita diberikan tanggungjawab sebagai penjaga bumi, dipanggil untuk menjaga alam sekitar dan segala ciptaannya (Kejadian 2:15).
- Setiap daripada kita mempunyai bakat dan anugerah yang unik untuk memenuhi tujuan Tuhan, untuk membawa kemuliaan kepada-Nya (Efesus 2:10).

### 5. Bagaimana Mengetahui Ciri-ciri Tuhan Dapat Membentuk Pandangan Dunia Kita

- Memahami kebesaran dan tujuan Tuhan membantu kita melihat diri kita dan dunia dari perspektif berdasarkan Alkitab.
- Merenungkan kekuatan dan minat kita dapat membantu kita menemukan peranan yang telah Tuhan ciptakan untuk kita untuk menggenapi rancangan-Nya.

## Jawapan Contoh untuk Buku Kerja Murid

### **Bahagian 1 – Memahami Bab**

1. *Siapakah yang mencipta alam semesta dan segala isinya, berdasarkan Alkitab?*  
Tuhan ialah Pencipta alam semesta, bumi, dan semua hidupan.
2. *Apakah maksudnya dicipta menurut gambar Tuhan? (Kejadian 1:26-27)*  
Dicipta menurut gambar Tuhan bermaksud manusia mencerminkan aspek-aspek

keperibadian Tuhan, seperti kreativiti, kasih, dan kebolehan untuk membuat keputusan-keputusan yang bermoral.

3. *Mengapa kita tidak dapat memahami sepenuhnya sifat dan rancangan Tuhan?*  
Jalan dan pemikiran Tuhan lebih tinggi daripada jalan dan pemikiran kita (Yesaya 55:8-9). Pemahaman manusia kita yang terbatas tidak mampu memahami sepenuhnya sifat Tuhan yang tidak terbatas.

4. *Apakah peranan manusia dalam ciptaan Tuhan?*  
Manusia ialah pengurus kepada ciptaan Tuhan, bertanggungjawab untuk menjaga bumi dan isinya (Kejadian 2:15).
5. *Bagaimanakah Alkitab menjawab soalan: "Siapakah saya, dan apakah tujuan saya?"*  
Alkitab mengajarkan bahawa manusia diciptakan oleh Tuhan dengan sebuah tujuan: untuk melakukan kebaikan (Efesus 2:10), mencerminkan keperibadian-Nya, dan membawa kemuliaan kepada-Nya.
6. *Bagaimanakah Tuhan menyatakan diri-Nya kepada kita?*  
Tuhan menyatakan diri-Nya melalui ciptaan (Roma 1:20), Alkitab, Roh Kudus, dan Anak-Nya, Yesus Kristus.
7. *Mengapa penting untuk mengakui bahawa Tuhan ialah Pencipta?*  
Mengakui Tuhan sebagai Pencipta membantu kita untuk memahami tujuan dan nilai kita, dan ia membawa kita untuk menyembah-Nya dan hidup menurut kehendak-Nya.
8. *Apakah yang dikatakan dalam Roma 1:20 tentang ciptaan dan sifat Tuhan?*  
Roma 1:20 menyatakan bahawa kuasa Tuhan yang kekal dan sifat-Nya yang kudus dapat dilihat dengan jelas dalam ciptaan, oleh itu manusia tidak mempunyai alasan.
9. *Memahami batasan pengetahuan manusia berbanding kebijaksanaan Tuhan yang tidak terbatas.*
  - Apakah yang diajarkan oleh hal ini tentang hikmat Tuhan dibandingkan dengan pengetahuan manusia?
  - Penemuan quark, lebih kecil daripada atom, menunjukkan masih terlalu banyak yang perlu kita pelajari.
  - Ini mengajarkan saya bahawa hikmat Tuhan tidak terbatas, dan pengetahuan kita adalah terbatas.

### **Bahagian 2 – Soalan Betul atau Salah**

1. Salah      2. Betul      3. Salah
4. Salah      5. Betul

### **Bahagian 3 – Soalan Perbincangan**

1. *Apabila kamu melihat ciptaan, bahagian alam semula jadi yang manakah paling mengagumkan kamu? Bagaimanakah perkara ini mencerminkan kebesaran Tuhan?*  
Fikirkan tentang bintang-bintang, lautan, atau reka bentuk tubuh manusia yang rumit.
2. *Mengapa penting untuk menyedari bahawa manusia dicipta oleh Tuhan secara sengaja dan bukan secara kebetulan? Bagaimanakah kepercayaan ini membentuk identiti kamu? Kongsikan bagaimana mengetahui bahawa kamu diciptakan oleh Tuhan memberi kesan terhadap nilai diri dan tujuan kamu.*
3. *Yesaya 55:8-9 mengingatkan kita bahawa jalan Tuhan lebih tinggi daripada jalan kita. Bagaimanakah kebenaran ini boleh membantu kamu mempercayai Tuhan ketika menghadapi masa sukar atau mengelirukan?*  
Kongsikan satu masa di mana mempercayai Tuhan telah membantu kamu melalui sebuah situasi yang mencabar.
4. *Kejadian 2:15 mengajar kita untuk "mengerjakan serta memelihara" bumi. Apakah bentuk tanggungjawab ini dalam kehidupan harian kamu sebagai seorang remaja? Kongsikan cara yang kecil di mana kamu boleh membuat satu impak yang positif kepada alam sekitar.*
5. *Alkitab mengajarkan bahawa Tuhan menyatakan diri-Nya kepada kita dengan cara yang kita boleh fahami. Bagaimanakah Tuhan telah menyatakan diri-Nya secara peribadi kepada kamu –melalui Alkitab, doa, atau pengalaman-pengalaman lain? Apakah tanggungjawab kita apabila menerima pendedahan seperti itu?*  
Kongsikan cara yang spesifik di mana kamu merasakan kehadiran atau pimpinan Tuhan. Kongsikan apa yang kamu lakukan ketika kamu menerima dorongan atau teguran daripada Tuhan.

# Bab 4: Kewibawaandan Kepentingan Alkitab sebagai Sebuah Dasar bagi Pandangan Dunia Kristian



*Kesan Alkitab ke atas Kesenian, Sastera dan Sains*

## Ringkasan Pelajaran

### 1. Alkitab sebagai Asas bagi Pandangan Dunia Kristian

- Walaupun setiap orang mempunyai hati nurani, penghakiman kita telah cacat akibat dosa. Alkitab ialah panduan utama Tuhan untuk hidup dengan cara yang benar.

### 2. Mengapa Perlu Mempercayai Alkitab?

- Alkitab telah membuktikan kebolehbergantungannya melalui ketepatan sejarah, nubuatan yang telah digenapi, dan konsistensi antara 66 kitabnya yang ditulis dalam tempoh lebih 1,500 tahun.

### 3. Pengaruh Alkitab terhadap Sejarah

- Alkitab telah membentuk idea moden tentang martabat manusia, keadilan, pendidikan, serta undang-undang dan ia juga telah memberi inspirasi kepada tokoh-tokoh pembaharu sosial seperti William Wilberforce dan Martin Luther King Jr.

### 4. Kesesuaian Alkitab pada Zaman Kini

- Alkitab tetap relevan untuk menangani cabaran-cabaran moral yang moden seperti pengaruh rakan sebaya, media sosial, dan perhubungan. Ia memberi panduan untuk menjalani kehidupan yang berintegriti dan penuh belas kasihan.

### 5. Cara Mengkaji Alkitab

- Melibatkan diri dalam renungan peribadi, pembelajaran berkumpulan, dan belajar daripada komuniti Kristian untuk memahami Alkitab dengan lebih baik dan mengamalkan ajarannya dalam kehidupan seharian.

## Jawapan Contoh untuk Buku Kerja Murid

### **Bahagian 1 – Aktiviti**

- Sebuah muka depan yang menampilkan sebuah lampu yang menerangi jalan, dengan kata-kata “Firman Tuhan: Cahaya untuk Perjalanan Saya.”

### **Bahagian 2 – Memahami Bab Ini**

1. *Apakah asas utama bagi pandangan dunia Kristian?*  
Alkitab adalah asas kerana ia adalah Firman Tuhan yang diilhamkan dan memberikan bimbingan tentang cara hidup.
2. *Mengapa penghakiman manusia itu sendiri tidak boleh dipercayai?*  
Dosa mempengaruhi penilaian kita, menjadikan kita sukar untuk sentiasa membuat pilihan yang betul.
3. *Bagaimanakah Alkitab membuktikan kebolehan bergantungannya?*  
Melalui ketepatan sejarah, nubuat yang telah digenapi, dan konsistensi di seluruh kitab-kitabnya.
4. *Namakan tiga cara Alkitab telah membentuk sejarah.*
  - Memartabatkan maruah manusia dengan mengajar bahawa setiap orang dicipta menurut gambar Tuhan.
  - Memberi inspirasi kepada keadilan sosial dan kesaksamaan.
  - Mempengaruhi perkembangan undang-undang dan sistem pendidikan.
5. *Apakah yang diajarkan oleh Mazmur 119:105 tentang Alkitab?*  
Ia menggambarkan Alkitab sebagai “lampu bagi kakiku, cahaya bagi jalanku,” yang bermakna ia memberikan bimbingan untuk hidup.
6. *Mengapa ianya baik untuk mengkaji Alkitab secara berkumpulan?*  
Pembelajaran berkumpulan dapat membantu memahami ayat-ayat yang sukar serta memberikan dorongan dan kebertanggungjawaban.

7. *Bagaimanakah Alkitab boleh digunakan oleh remaja pada masa kini?*  
Ia memberikan bimbingan dalam menghadapi pengaruh rakan sebaya, tingkah laku atas talian, hubungan, dan cabaran moral.

### **Bahagian 3 – Soalan Perbincangan**

1. *Idea manakah yang diilhamkan oleh Alkitab (contohnya: martabat manusia, keadilan sosial) yang menurut kamu telah memberikan kesan paling besar kepada dunia? Mengapa?*  
Perbincangan: Bincangkan bagaimana prinsip-prinsip ini masih relevan hari ini.
2. *Fikirkan tentang tokoh seperti William Wilberforce dan Martin Luther King Jr. Bagaimanakah contoh mereka boleh menggalakkan kamu untuk membawa perubahan dalam komuniti kamu?*  
Perbincangan: Kongsi cara praktikal untuk mempertahankan perkara yang betul.
3. *Bagaimanakah Alkitab boleh membantu kamu menghadapi cabaran seperti pengaruh rakan sebaya atau tingkah laku dalam talian?*  
Perbincangan: Kongsi contoh ayat-ayat Alkitab yang membimbing tindakan kamu.
4. *Mengapakah ianya penting untuk menjadi sebahagian daripada komuniti Kristian ketika mengkaji Alkitab? Bagaimanakah ia membantu kita menjalani kehidupan Kristian kita yang memuliakan Tuhan?*  
Perbincangan: Bincangkan bagaimana dengan menjadi sebahagian daripada komuniti telah membantu kamu berkembang secara rohani.

# Bab 5: Apakah itu Dosa dan Akibat-akibat Dosa?



*Ciptaan mengerang kesakitan melahirkan anak menantikan ciptaan yang baru seperti dalam Roma 8:20-22*

## Ringkasan Pelajaran

### 1. Ciptaan Sempurna Tuhan:

- Tuhan mencipta dunia dengan sempurna dan manusia menurut gambar-Nya (Kejadian 1:27).
- Adam dan Hawa hidup dengan harmoni bersama Tuhan, dengan hati yang suci dan tujuan yang jelas.

### 2. Kemasukan Dosa:

- Dosa masuk ke dunia apabila Adam dan Hawa tidak taat kepada Tuhan, menyebabkan persekutuan yang terputus dengan-Nya dan kutukan menimpa manusia serta ciptaan (Kejadian 3).
- Dosa adalah pemberontakan, pelanggaran hukum, dan ketidaktaatan kepada perintah Tuhan.

### 3. Akibat Dosa:

- Dosa membawa kematian rohani, penyelewengan, dan pemisahan daripada Tuhan (Efesus 2:1-3).
- Ia mengakibatkan penderitaan manusia, jenayah, dan bencana alam (Roma 8:20-22).

### 4. Penyelesaian Tuhan terhadap Dosa:

- Walaupun berdosa, Tuhan menyediakan keselamatan melalui Yesus Kristus.
- Yesus datang untuk mendamaikan manusia dengan Tuhan dan menawarkan hidup yang kekal kepada mereka yang percaya kepada-Nya (Yohanes 3:16).

## Jawapan Contoh untuk Buku Kerja Murid

### **Bahagian 1 – Aktiviti**

- **Manusia:** Perpisahan daripada Tuhan, kematian rohani, penyelewengan moral, penderitaan
- **Ciptaan:** Kutuk daripada tanah, bencana alam, kemerosotan alam sekitar

### **Bahagian 2 – Memahami Bab Ini**

#### **Memahami Dosa**

1. *Bagaimanakah keadaan dunia sebelum Adam dan Hawa berdosa?*  
Ia sempurna. Manusia hidup harmoni dengan Tuhan, tidak merasa malu atau bersalah, dan diberikan tugas untuk menjaga ciptaan.
2. *Apakah dosa berdasarkan Alkitab?*  
Dosa adalah ketidaktaatan kepada undang-undang, pemberontakan terhadap Tuhan, dan kegagalan mencapai standard sempurna-Nya (1 Yohanes 3:4, Roma 3:23).
3. *Bagaimanakah dosa memasuki dunia?*  
Dosa masuk ke dalam dunia apabila Adam dan Hawa tidak taat kepada Tuhan dengan memakan buah terlarang (Kejadian 3).
4. *Apakah kesan dosa ke atas manusia?*  
Dosa membawa kematian rohani, pemisahan daripada Tuhan, penderitaan, serta merebaknya kejahatan dan kerosakan (Kejadian 6:5-6, Efesus 2:1-3).

#### **Penyelesaian Tuhan**

5. *Bagaimanakah Tuhan menunjukkan kasih-Nya bagi orang-orang yang berdosa?*  
Tuhan mengutus Anak-Nya, Yesus, untuk mati bagi dosa kita dan menawarkan keselamatan kepada mereka yang percaya kepada-Nya (Yohanes 3:16, Roma 5:8).
6. *Apakah yang seharusnya kita lakukan ketika berdosa, biarpun sebagai orang Kristian?*  
Mengaku dosa kita kepada Tuhan, yang setia dan adil untuk mengampuni dan menyucikan kita (1 Yohanes 1:9).

### **Bahagian 3 – Soalan-soalan Perbincangan**

#### **Memahami Dosa**

1. *Mengapakah ianya penting untuk memahami apakah dosa itu dan akibatnya?*  
Soalan Perbincangan: Renungkan bagaimana pemahaman tentang dosa membantu kita menyedari keperluan akan Yesus dan pengampunan-Nya.
2. *Bagaimanakah kamu melihat akibat-akibat dosa di dunia pada hari ini?*  
Soalan Perbincangan: Bincangkan contoh-contoh seperti peperangan, bencana alam, atau ketidakadilan sosial dan bagaimana ia berkaitan dengan ajaran Alkitab tentang dosa.

#### **Rencana Tuhan untuk Penebusan**

3. *Apakah maksud Tuhan menyediakan satu jalan untuk mengalahkan dosa melalui Yesus bagi kamu?*  
Soalan Perbincangan: Kongsikan refleksi peribadi tentang bagaimana pengorbanan Yesus memberikan harapan dan jalan kembali kepada Tuhan.
4. *Bagaimanakah mengenali pengampunan Tuhan mengubah cara kamu menjalani kehidupan kamu?*  
Soalan Perbincangan: Bincangkan bagaimana pengampunan Tuhan dapat mengilhamkan rasa syukur, pertaubatan, dan keinginan untuk mengongsikan kasih-Nya dengan orang lain.

#### **Hidup dalam Dunia yang Penuh Dosa**

5. *Apakah yang boleh dilakukan oleh orang-orang Kristian untuk menunjukkan kebaikan Tuhan di dunia yang terkesan dengan dosa?*  
Soalan Perbincangan: Kongsikan idea tentang menunjukkan kebaikan, membela keadilan, atau menjaga ciptaan.

# Bab 6: Rancangan Keselamatan Tuhan dan Bertumbuh dalam Iman



## Ringkasan Pelajaran

### 1. Siapakah Yesus?

- Yesus ialah Anak Tuhan, Penebus, dan Mesias. Dia adalah Kudus dan juga Penyelamat dunia.
- Yesus menggenapi nubuatan-nubuatan Perjanjian Lama, membuktikan bahawa Dia ialah Mesias yang mati untuk dosa-dosa kita dan bangkit semula.

### 2. Nubuatan-nubuatan Perjanjian Lama telah Digenapi oleh Yesus:

- Nubuatan-nubuatan tentang kelahiran-Nya daripada anak dara, tempat kelahiran-Nya, keturunan-Nya, mukjizat-Nya, penyaliban-Nya, kebangkitan-Nya, dan kenaikan-Nya telah digenapi.

### 3. Langkah untuk Menerima Keselamatan daripada Tuhan:

- Percaya kepada Tuhan, mengakui dosa, bertaubat, dan menerima Yesus sebagai Penyelamat.

### 4. Manfaat-manfaat Percaya kepada Yesus:

- Pengampunan dosa, diangkat menjadi anak-anak Tuhan, menerima Roh Kudus, hidup yang kekal, dan mendapat akses kepada berkat rohani.

### 5. Perbezaan dalam Pandangan Dunia Berdasarkan Kristian:

- Berakar dalam memuliakan Tuhan, berasaskan kebenaran Alkitab, dan mengakui kedaulatan Tuhan.
- Kepentingan Persekutuan dan Gereja:
- Bertumbuh dalam iman memerlukan penyertaan dalam gereja, belajar daripada orang Kristian yang matang, dan menjadi sebahagian daripada komuniti yang saling menyokong.

## Jawapan Contoh untuk Buku Kerja Murid

### **Bahagian 1 – Menulis Sepucuk Surat**

- *Tuliskan sepucuk surat yang ringkas kepada seorang sahabat yang menjelaskan bagaimana mereka boleh menjadi seorang Kristian.*

“Kepada [Kawan],

Saya ingin berkongsi sesuatu yang penting dengan kamu. Untuk menjadi seorang Kristian, kamu perlu percaya kepada Tuhan, mengakui dosa-dosa kamu, dan menerima Yesus sebagai Penyelamat kamu. Yesus mengasihi kamu dan telah mati bagi dosa-dosa kamu. Dengan mempercayai-Nya, kamu boleh mendapat hidup yang kekal dan hubungan peribadi dengan Tuhan. Beritahu saya jika kamu ingin berbincang lebih lanjut tentang perkara ini. Salam sayang, [Nama Kamu]”

- Buat satu jadual yang membandingkan pandangan dunia Kristian dengan pandangan dunia bukan Kristian.

#### **Pandangan Dunia Kristian**

Berasaskan Alkitab

#### **Pandangan Dunia Bukan Kristian**

Berdasarkan akal manusia atau budaya

#### **Pandangan Dunia Kristian**

Mengakui kedaulatan Tuhan

#### **Pandangan Dunia Bukan Kristian**

Sering menafikan atau mentakrifkan semula peranan Tuhan

#### **Pandangan Dunia Kristian**

Menumpukan pada hasil kekal

#### **Pandangan Dunia Bukan Kristian**

Menumpukan pada matlamat duniawi

### **Bahagian 2 – Memahami Bab Ini**

1. *Siapakah Yesus berdasarkan Alkitab?*  
Yesus ialah Anak Tuhan, Mesias, dan Penebus yang mati untuk dosa kita dan bangkit semula.
2. *Namakan satu nubuatan Perjanjian Lama tentang Yesus dan penggenapannya.*  
Nubuat: Yesaya 7:14 – “Dilahirkan oleh seorang anak dara.”  
Penggenapan: Matius 1:22-23 – Yesus dilahirkan oleh anak dara Maria.

3. *Apakah yang diberitahu dalam Yohanes 3:16 tentang kasih Tuhan?*  
Tuhan sangat mengasihi dunia ini sehingga Dia telah memberikan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya akan memperoleh hidup yang kekal.
4. *Apakah langkah-langkah untuk menjadi seorang Kristian?*  
Percayalah kepada Tuhan, akui dosa, bertaubat, menerima Yesus sebagai Penyelamat, dan ikutlah Dia.
5. *Apakah yang berlaku ketika kita meletakkan iman kita dalam Yesus?*  
Dosa kita diampuni, kita menjadi anak-anak Tuhan, kita menerima Roh Kudus, dan kita memperoleh hidup yang kekal.

### **Bahagian 3 – Soalan-soalan Perbincangan**

#### **Memahami Nubuatan**

1. *Mengapakah nubuatan-nubuatan Perjanjian Lama tentang Yesus penting?*  
Soalan Perbincangan: Bincangkan bagaimana nubuatan yang telah digenapi menguatkan iman kita kepada Yesus sebagai Mesias.
2. *Apakah yang dapat kita pelajari daripada kematian dan kebangkitan Yesus?*  
Soalan Perbincangan: Renungkan bagaimana pengorbanan Yesus menunjukkan kasih dan keadilan Tuhan.

#### **Hidup Sebagai Seorang Kristian**

3. *Apakah beberapa cabaran yang dihadapi oleh orang Kristian dalam dunia hari ini?*  
Soalan Perbincangan: Kongsikan contoh pengaruh rakan sebaya, dilema moral, atau cabaran budaya dan bagaimana Alkitab memberikan panduan.
4. *Mengapakah ianya penting untuk menyertai sebuah gereja atau komuniti Kristian?*  
Soalan Perbincangan: Bincangkan bagaimana persekutuan membantu orang Kristian bertumbuh dalam iman dan tetap bertanggungjawab.

# Bab 7A: Pengenalan untuk Memahami Pandangan Dunia yang Berbeza tentang Etika, Identiti Jantina, Tujuan dalam Hidup dan Cinta



*Manusia dalam dunia dengan pandangan dunia yang berbeza-beza*

## Ringkasan Pelajaran

### 1. Mendefinisikan Pandangan Dunia:

- Sebuah pandangan dunia membentuk bagaimana kita melihat kehidupan, membuat keputusan, dan mentafsir peristiwa. Pandangan dunia berdasarkan Alkitab bergantung kepada Tuhan dan Firman-Nya, manakala pandangan dunia yang lain dibentuk oleh pemikiran, budaya, atau tradisi manusia.

### 2. Bahagian Utama dalam Perbandingan:

- Etika: Etika berdasarkan Alkitab berakar pada sifat Tuhan yang tidak berubah, manakala pandangan dunia yang lain bergantung pada norma masyarakat atau pemikiran manusia.
- Identiti Jantina: Alkitab mendefinisikan jantina sebagai ciptaan Tuhan dengan tujuan yang berbeza, manakala pandangan yang lain sering melihat jantina sebagai sesuatu yang tidak tetap atau dibentuk oleh masyarakat.
- Tujuan dalam Hidup: Tujuan hidup menurut Alkitab berpusat pada memuliakan Tuhan dan melayani orang lain, manakala pandangan lain sering menekankan pada pencapaian peribadi atau sumbangan kepada masyarakat.
- Kasih: Kasih menurut Alkitab menekankan sifat tidak mementingkan diri dan kasih yang sanggup berkorban, manakala pandangan yang lain mungkin mengutamakan kasih kasih yang romantik atau kekeluargaan.

### 3. Menghormati Pandangan Dunia yang Lain:

- Orang Kristian boleh berinteraksi dengan rakan yang mempunyai pandangan dunia yang berbeza dengan mencari titik persamaan, menghormati kepercayaan mereka, dan dengan lembut mengongsikan kebenaran berdasarkan Alkitab tanpa mengorbankan iman mereka sendiri.

## Jawapan Contoh untuk Buku Kerja Murid

### **Bahagian 1 – Aktiviti**

#### **Menerokai Tujuan**

- Tulis tiga perkara yang kamu fikir adalah sebahagian daripada tujuan hidup kamu dan bandingkan dengan pandangan dunia berasaskan Alkitab.

1. Untuk memuliakan Tuhan.
2. Untuk membantu orang lain mengenal Yesus.
3. Untuk menggunakan bakat saya untuk melayani orang lain.

- Huraikan perbezaan utama di antara pandangan berdasarkan Alkitab dengan pandangan-pandangan lain tentang makna kasih.

Dengan merujuk kepada carta Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab – kasih yang sanggup berkorban berakar dalam sifat Tuhan, berbanding dengan kasih yang bersifat emosi, rasional, atau falsafah. Minta murid-murid berkongsi bagaimana pandangan Alkitab tentang kasih dapat dilaksanakan dalam tindakan dan bagaimana ia berbeza daripada pandangan dunia yang lain.

### **Bahagian 2 – Memahami Bab Ini**

1. Apakah yang membuatkan pandangan dunia berdasarkan Alkitab berbeza daripada pandangan-pandangan dunia yang lain?

Pandangan Berdasarkan Alkitab bergantung kepada Tuhan dan Firman-Nya, manakala pandangan dunia lain bergantung kepada pemikiran manusia, budaya, atau tradisi.

2. Apakah asas dalam etika-etika berdasarkan Alkitab?

Etika berdasarkan Alkitab berasaskan sifat Tuhan yang tidak berubah dan prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Alkitab.

3. Bagaimanakah pandangan dunia berdasarkan Alkitab mendefinisikan jantina?

Alkitab mendefinisikan jantina sebagai lelaki dan perempuan, diciptakan oleh Tuhan dengan peranan dan tanggungjawab yang berbeza.

4. Apakah yang dikatakan oleh pandangan dunia berdasarkan Alkitab tentang tujuan dalam hidup?

Tujuan hidup adalah untuk memuliakan Tuhan, melayani orang lain, dan mencerminkan kasih, hikmat, serta keadilan Tuhan.

### **Bahagian 3 – Soalan-soalan Perbincangan**

1. Mengapakah ianya penting bagi orang-orang Kristian untuk memahami pandangan-pandangan dunia yang lain?

Soalan Perbincangan: Terokai bagaimana memahami pandangan lain dapat membantu kita berinteraksi dengan orang lain dan menyampaikan injil dengan berkesan.

2. Bagaimanakah orang Kristian dapat bertindak dengan hormat terhadap rakan-rakan yang mempunyai pandangan dunia yang berbeza?

Soalan Perbincangan: Bincangkan cara untuk berkongsi kebenaran Alkitab tanpa menyinggung perasaan orang lain atau mengorbankan iman.

3. Dalam Alkitab (1 Korintus 13), tertulis bahawa kita boleh memiliki semua bakat atau karunia rohani, tetapi tanpa kasih, semuanya tidak bermakna – Adakah kamu bersetuju dan pada pendapat kamu, mengapakah Rasul Paulus membuat pernyataan ini?

Soalan Perbincangan: Bincangkan berdasarkan pengalaman kamu dan pengetahuan kamu tentang Alkitab.

# Bab 7B: Pengenalan untuk Memahami Pandangan Dunia yang Berbeza tentang Budaya, Tradisi Keluarga, Etika Hidup dalam Pekerjaan dan Sebagai Seorang Pelajar, Pilihan Kerjaya, & Kumpulan Rakan



## Ringkasan Pelajaran

### 1. Mendefinisikan Pandangan Dunia:

- Sebuah pandangan dunia membentuk bagaimana kita melihat kehidupan, membuat keputusan, dan mentafsir peristiwa. Pandangan dunia berdasarkan Alkitab bergantung kepada Tuhan dan Firman-Nya, manakala pandangan dunia yang lain dibentuk oleh pemikiran, budaya, atau tradisi manusia.

### 2. Bahagian Utama dalam Perbandingan:

- Budaya dan Tradisi: Pandangan berdasarkan Alkitab menghargai kepelbagaian budaya tetapi menyelaraskan tradisi dengan kebenaran Tuhan.
- Kerja dan Kerjaya: Pandangan berdasarkan Alkitab melihat pekerjaan sebagai pelayanan kepada Tuhan dan menggunakan bakat untuk kemuliaan-Nya, manakala pandangan yang lain sering mengutamakan kejayaan dalam kewangan atau kepuasan peribadi.
- Persahabatan: Persahabatan menurut Alkitab bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan rohani, manakala pandangan yang lain mungkin menekankan pada minat yang sama atau ikatan emosi.

### 3. Menghormati Pandangan Dunia yang Lain:

- Orang Kristian boleh berinteraksi dengan rakan yang mempunyai pandangan dunia yang berbeza dengan mencari titik persamaan, menghormati kepercayaan mereka, dan dengan lembut mengongsikan kebenaran berdasarkan Alkitab tanpa mengorbankan iman mereka sendiri.

## Jawapan Contoh untuk Buku Kerja Murid

### **Bahagian 1 – Aktiviti**

- *Tulis satu perenggan tentang bagaimana kamu boleh meraikan tradisi budaya sambil tetap berpegang pada nilai-nilai berdasarkan Alkitab.*  
“Saya boleh meraikan tradisi budaya seperti perayaan dan acara kemasyarakatan selagi ia tidak bercanggah dengan ajaran Alkitab. Sebagai contoh, saya boleh menikmati sambutan Tahun Baru sambil mengingati untuk bersyukur kepada Tuhan atas berkat-Nya.”
- *Tulis pekerjaan impian kamu dan terangkan bagaimana kamu boleh menggunakannya untuk memuliakan Tuhan.*  
“Pekerjaan impian saya ialah menjadi seorang guru. Saya dapat memuliakan Tuhan dengan mengajar dengan integriti, bersikap baik kepada murid, dan menggunakan pengaruh saya untuk mendorong mereka hidup dengan tujuan.”

### **Bahagian 2 – Memahami Bab Ini**

1. *Bagaimanakan pandangan dunia berdasarkan Alkitab mendefinisikan budaya?*  
Alkitab menggambarkan budaya sebagai cara manusia untuk mencerminkan kemuliaan Tuhan, kreativiti, dan menghormati budaya lain sambil tetap teguh pada kebenaran Alkitab. Adakah kamu bersetuju dan bagaimana kamu fikir hal ini dapat dilaksanakan oleh orang Kristian.
2. *Apakah yang dikatakan oleh pandangan dunia berdasarkan Alkitab tentang Tradisi Keluarga?*  
Bagaimanakah tradisi keluarga dapat digunakan untuk tujuan Tuhan?
3. *Bagaimanakah Alkitab menggalakkan orang Kristian untuk menangani pelajaran dan pekerjaan?*  
Untuk memuliakan Tuhan, melayani orang lain, dan membentuk watak yang berdasarkan pada panggilan Tuhan. Bincangkan dengan murid bagaimana kita dapat melaksanakannya secara praktikal dan bagaimana objektif ini berbeza daripada pandangan dunia yang lain.

### **Bahagian 3 – Soalan-soalan Perbincangan**

1. *Adalah penting untuk menghormati budaya-budaya yang lain, tetapi apakah yang berlaku jika budaya tersebut bertentangan dengan kebenaran Alkitab – maka bagaimana kita menentukan apa yang baik dan benar?*  
Soalan Perbincangan: Minta murid berkongsi. Pada akhirnya, Alkitab mesti menjadi penanda aras tertinggi tentang apa yang baik dan benar, serta apa yang baik dan diizinkan untuk kita amalkan.
2. *Tradisi boleh digunakan untuk mengekalkan iman kita, bukan sekadar mengulang masa lalu. Iman ini boleh merangkumi tradisi Kristian, demikian juga tradisi bukan rohani seperti sambutan Tahun Baharu atau perkumpulan keluarga. Apakah pendapat kamu dan jelaskan bagaimana ia boleh memberi pengaruh positif atau negatif.*  
Soalan Perbincangan: Bincangkan bagaimana tradisi keluarga dapat diamalkan dalam pelbagai latar belakang etnik. Minta para pelajar berkongsi berdasarkan tradisi keluarga mereka sendiri dan bagaimana ia memberi manfaat kepada mereka.
3. *Bagaimana kita boleh menggunakan pengetahuan dan pandangan dunia kita dalam membuat pilihan kerjaya?*  
Soalan Perbincangan: Renungkan bagaimana kasih menurut Alkitab dapat membimbing kita dalam membentuk hubungan yang bermakna.
4. *Fikirkan tentang lima orang sahabat kamu yang paling karib. Sejauh manakah mereka mempengaruhi kamu dalam pilihan-pilihan atau keputusan-keputusan yang kamu lakukan? Bagaimanakah kamu membezakan sama ada pengaruh mereka selari dengan ajaran Alkitab?*  
Soalan Perbincangan: Minta para pelajar berkongsi berdasarkan pengalaman mereka sendiri.

# Bab 8: Hubungan dengan Keluarga dan Rakan-rakan



## 1. Asas dalam Hubungan:

- Mengasihi Tuhan dengan segenap hati, jiwa, dan akal budi kamu adalah asas dalam semua hubungan. Apabila kita mengutamakan Tuhan, ia akan mengubah cara kita melayani dan memperlakukan orang lain.
- Mengasihi orang lain adalah cerminan kasih Tuhan dan diperintahkan oleh Yesus sebagai perintah kedua yang terbesar.

## 2. Hubungan Keluarga:

- Alkitab menekankan memuliakan dan mengasihi ibu bapa serta adik-beradik. Yesus menunjukkan teladan ini dengan menghormati ibu bapa-Nya di dunia.
- Adik-beradik mengajar kita untuk mengasihi, mengampuni, dan bertumbuh dalam hubungan, mencerminkan kasih Yesus kepada kita.

## 3. Hubungan dalam Komuniti Kristian:

- Gereja ialah “tubuh Kristus” di mana setiap ahli menyumbang kepada pertumbuhannya dengan menggunakan karunia masing-masing.
- Orang Kristian dipanggil untuk saling menggalakkan, melayani, dan mendoakan, serta memikul tanggungjawab bersama dan menyelesaikan konflik dengan kasih kurnia.

## 4. Hubungan dengan Rakan Bukan Kristian:

- Orang Kristian dipanggil untuk menjadi “garam dan cahaya,” memperlakukan semua orang dengan baik dan hormat.
- Perkongsian iman perlu dilakukan dengan lemah lembut dan hormat, menunjukkan kasih Kristus melalui tindakan dan perkataan.

## 5. Persahabatan Rapat:

- Pilih sahabat baik dengan bijak kerana mereka mempengaruhi watak dan pilihan kita.
- Jadilah pengaruh yang positif, tetapkan batas yang sihat, dan utamakan hubungan kamu dengan Tuhan.

## Jawapan Contoh untuk Buku Kerja Murid

### Bahagian 1 – Aktiviti-aktiviti

#### 1. Padankan Ayat Alkitab

##### Ayat Alkitab

Matius 22:37-39

→

##### Prinsip

Mengasihi Tuhan dan mengasihi orang lain.

Amsal 13:20

→

Memilih sahabat dengan bijak.

1 Petrus 3:15

→

Berkongsi iman kamu dengan kelembutan dan hormat.

Galatia 6:2

→

Saling menanggung beban.

Ibrani 10:24-25

→

Saling menggalakkan dan berkumpul bersama.

## 2. Kasih dalam Tindakan

### Peribadi

		<b>Contoh untuk Menunjukkan Kasih</b>
Ibu bapa	→	Membantu dengan kerja rumah tanpa diminta. Luangkan masa untuk berbual dengan mereka, tanya tentang hari mereka. Bersyukur atas hidangan yang disediakan dan membantu membersihkannya.
Adik-beradik	→	Kongsi barang kepunyaan kamu atau dengar apabila mereka memerlukan sokongan. Jika boleh, bantu mereka dengan kerja rumah atau bermain permainan bersama.
Sahabat	→	Menggalakkan mereka semasa menghadapi masa sukar.
Ahli Sahabat Gereja	→	Menjadi sukarelawan untuk aktiviti gereja.
Sahabat Bukan Kristian	→	Menjadi sahabat mereka. Doakan mereka dan tunjukkan kebaikan tanpa mengharapkan apa-apa balasan.

### **Bahagian 2 – Memahami Bab Ini**

1. *Mengapakah mengasihi Tuhan adalah asas bagi semua hubungan?*  
Mengasihi Tuhan membantu kita melihat dan melayani orang lain sebagaimana Dia melakukannya, dengan kebaikan, hormat, dan kasih.
2. *Apakah yang dikatakan oleh Alkitab tentang memuliakan ibu bapa?*  
Alkitab memerintahkan kita untuk menghormati ibu bapa dengan mengasihi, menghormati, dan menjaga mereka (Keluaran 20:12, Efesus 6:1-3).
3. *Apakah tujuan hubungan dalam komuniti Kristian?*  
Hubungan dalam komuniti Kristian bertujuan untuk saling menggalakkan, melayani, dan membantu satu sama lain bertumbuh dalam iman.
4. *Bagaimanakah orang Kristian seharusnya berinteraksi dengan sahabat-sahabat yang bukan Kristian?*  
Orang Kristian harus melayani rakan bukan Kristian dengan kasih dan hormat, berkongsi iman dengan lemah lembut, dan menjadi pengaruh yang positif (1 Petrus 3:15).

5. *Apakah kualiti-kualiti bagi seorang sahabat akrab yang baik berdasarkan Alkitab?*

Seorang sahabat yang baik adalah bijaksana, setia, menyokong, dan membantu kamu semakin dekat dengan Tuhan (Amsal 17:17, Amsal 13:20).

### **Bahagian 3 – Soalan-soalan Perbincangan**

1. *Mengapakah ianya penting untuk memuliakan ibu bapa biarpun ketika kamu tidak bersetuju dengan mereka?*  
Soalan Perbincangan: Bincangkan keseimbangan antara menghormati ibu bapa dan membuat pilihan sendiri apabila kamu semakin dewasa.
2. *Apakah beberapa langkah-langkah yang praktikal di mana kamu boleh menjadi satu pengaruh yang positif dalam kumpulan sahabat kamu?*  
Soalan Perbincangan: Terokai bagaimana tindakan, kata-kata, dan keputusan kamu mencerminkan iman kamu.
3. *Mengapakah ianya penting untuk menyelesaikan konflik dengan segera sama ada dalam keluarga atau di antara sahabat?*  
Soalan Perbincangan: Bincangkan bagaimana isu yang tidak diselesaikan boleh merosakkan hubungan dan bagaimana pengampunan mencerminkan kasih Tuhan.

# Bab 9: Memadankan Iman berdasarkan Alkitab dengan Sains – Adakah Wujud Apa-apa Konflik?

## Ringkasan Pelajaran

### 1. Iman dan Sains sebagai Pelengkap:

- Alkitab mengajar bahawa Tuhan ialah Pencipta alam semesta, dan sains menjelaskan betapa terperinci ciptaan-Nya.
- Iman memberikan makna, tujuan, dan moral, manakala sains menerangkan bagaimana dunia semula jadi berfungsi.



### 2. Galakan Alkitab untuk Mempelajari Ciptaan:

- Alkitab menggalakkan pembelajaran alam semula jadi untuk lebih memahami hikmat, kuasa, dan sifat Tuhan (Amsal 3:19, Ayub 12:7-9).

### 3. Sains Memperdalam Kekaguman Kita terhadap Tuhan:

- Luasnya angkasa lepas dan kerumitan DNA menunjukkan kekuasaan, kreativiti, dan keprihatinan Tuhan (Mazmur 19:1, Roma 1:20).

### 4. Iman dan Sains dalam Perkongsian:

- Sains memperengkapkan orang Kristian untuk memelihara ciptaan dan melayani sesama, selaras dengan perintah Tuhan untuk mengurus bumi dan mengasihi orang lain (Kejadian 2:15).

### 5. Sumbangan Saintis Kristian:

- Saintis-saintis seperti Isaac Newton, Gregor Mendel, dan Francis Collins menunjukkan bagaimana iman dan sains boleh wujud bersama, menginspirasi kita untuk meneroka ciptaan dengan rasa kagum dan rasa hormat.

## Jawapan Contoh untuk Buku Kerja Murid

### Bahagian 1 – Aktiviti-aktiviti

#### 1. Mereka Planet dan Sistem Suria Kamu Sendiri

- Berapakah jarak planet kamu dari bintangnya?
- Apakah kandungan atmosferanya?
- Bagaimanakah planet kamu menyokong kehidupan?
- Bagaimanakah kamu akan melindunginya daripada radiasi Kosmik?
- Bagaimanakah kamu akan melindunginya daripada meteor asing yang memusnahkan planet?

## 2. Bandingkan ‘Naturalisme’ dengan Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab

Topik	Pandangan Dunia Naturalisme	Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab
Tujuan dan Makna Kehidupan		
Moral dan Etika		
Pandangan tentang Sains dan Iman		
Pandangan tentang Kematian dan Hidup Selepas Mati		
Etos Asas		

### **Bahagian 2 – Memahami Bab Ini**

1. *Apakah yang diajarkan oleh Kejadian 1:1 kepada kita tentang ciptaan?*  
Kejadian 1:1 mengajarkan bahawa Tuhan adalah Pencipta langit dan bumi, menekankan reka bentuk-Nya yang disengajakan dan kedaulatan-Nya.
2. *Bagaimanakah sains membantu kita memahami keperibadian Tuhan?*  
Sains memperlihatkan kuasa Tuhan melalui keluasan angkasa, kreativiti-Nya dalam kepelbagaian kehidupan, dan pemeliharaan-Nya melalui fungsi ekosistem.
3. *Namakan beberapa faktor penting yang membuatkan planet Bumi mampu menyokong kehidupan seperti yang kita tahu.*  
Jarak bumi yang sempurna dari Matahari membolehkan air wujud dalam bentuk cecair, yang penting untuk kehidupan. Bumi mempunyai perisai magnetik. Bumi mempunyai iklim, cuaca, dan musim yang disebabkan oleh putaran serta kecondongannya, dan sebagainya.
4. *Bagaimanakah sains dan iman dapat bekerja bersama?*  
Sains menerangkan bagaimana sesuatu berfungsi, manakala iman menjelaskan mengapa ia wujud dan tujuannya, menjadikannya saling melengkapi dalam memahami ciptaan Tuhan.

5. *Namakan dua saintis Kristian dan sumbangan mereka.*

- Isaac Newton: Menemui hukum gerakan dan graviti.
- Gregor Mendel: Menemui prinsip genetik.

### **Bahagian 3 – Soalan-soalan Perbincangan**

1. *Bagaimanakah pembelajaran tentang hubungan di antara sains dan iman mengubah perspektif kamu?*  
Soalan Perbincangan: Renungkan bagaimana sains memperlihatkan kerumitan dan keteraturan ciptaan Tuhan.
2. *Pada pendapat kamu mengapakah Tuhan menciptakan Bumi dengan pelbagai ciri yang telah disesuaikan untuk menyokong kehidupan?*  
Soalan Perbincangan: Bincangkan bagaimana ciri-ciri ini mencerminkan pemeliharaan dan tujuan Tuhan.
3. *Apakah peranan yang dimiliki oleh orang Kristian dalam menjaga alam sekitar?*  
Soalan Perbincangan: Bincangkan amanat Alkitab tentang pengurusan dan cara praktikal untuk memelihara ciptaan.
4. *Apakah yang akan kamu katakan kepada seseorang yang mempercayai bahawa sains dan iman tidak dapat bertindak bersama-sama?*  
Soalan Perbincangan: Renungkan apa yang telah kamu pelajari dalam bab ini.

# Bab 10: Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab tentang Bagaimana Kita Menjaga Diri Kita dan Sumber-sumber yang Kita Miliki

## Ringkasan Pelajaran

### 1. Pengurusan sebagai Mandat berdasarkan Alkitab:

- Kita adalah pengurus kepada tubuh, minda, roh, dan sumber kita. Segala-galanya adalah milik Tuhan, dan kita dipanggil untuk mengurusnya dengan bertanggungjawab demi kemuliaan-Nya (1 Korintus 6:19-20, Roma 12:1).

### 2. Pengurusan dalam Pendidikan:

- Pendidikan ialah sumber yang dikurniakan oleh Tuhan untuk digunakan dengan bijak demi kemuliaan-Nya, bukan hanya untuk kejayaan peribadi (Kolose 3:23).

### 3. Pengurusan Wang:

- Pengurusan termasuk membuat bajet, menabung, memberi, dan mengelakkan hutang. Kemurahan hati mencerminkan keutamaan Tuhan, dan rasa puas hati boleh melindungi daripada materialisme (Amsal 21:5, Ibrani 13:5).

### 4. Melindungi Diri daripada Pengaruh Berbahaya:

- Pengurusan memerlukan kita mengelak daripada ketagihan, materialisme, dan pembaziran masa dan dalam masa yang sama memupuk pengawalan diri, kesyukuran, dan tanggungjawab bersama (1 Korintus 6:19-20, Filipi 4:8).

### 5. Hidup sebagai Pengurus:

- Dengan menerapkan prinsip-prinsip berdasarkan Alkitab, kita memuliakan Tuhan dengan sumber yang kita miliki dan mempersiapkan diri untuk tanggungjawab yang lebih besar dalam Kerajaan-Nya.



## Jawapan Contoh untuk Buku Kerja Murid

### Bahagian 1 – Aktiviti-aktiviti

#### 1. Penilaian Kendiri dalam Pengurusan

Perkara Pengurusan	Kebiasaan Semasa	Perkara untuk Diperbaiki
Tubuh	Makan secara sihat, selalu bersenam	Kurangkan masa skrin, tidur lebih awal.
Minda	Membaca buku, rajin belajar	Elakkan pengaruh negatif media sosial.
Roh	Berdoa setiap hari	Luangkan lebih banyak masa membaca Alkitab.
Sumber	Menyimpan sebahagian daripada elaun saya	Rancang bajet, derma kepada gereja atau badan amal.

### Bahagian 2 – Aktiviti-aktiviti

#### 2. Membuat Sebuah Pelan Pengurusan

##### Materialisme

Mencari kegembiraan daripada hak milik →

##### Pandangan Berdasarkan Alkitab

Menemui kegembiraan dalam Tuhan dan dalam apa yang telah disediakan-Nya.

Menggalakkan sifat mengutamakan diri sendiri	→	Menggalakkan kemurahan hati dan melayani orang lain.
Menumpukan pada kekayaan sementara	→	Berfokus pada harta kekal.
Mengejar lebih banyak kekayaan material	→	Kerja keras seimbang dengan rasa berkecukupan.

### **Bahagian 2 – Memahami Bab Ini**

1. *Apakah maksud menjadi seorang pengurus kepada tubuh, minda, dan roh kamu?*

Ia bermakna mengakui bahawa segala-galanya milik Tuhan dan menjaga tubuh, minda, serta roh kita untuk memuliakan Dia dan memenuhi tujuan-Nya.

2. *Bagaimanakah pendidikan boleh digunakan sebagai satu bentuk pengurusan?*

Dengan memandang pendidikan sebagai anugerah dari Tuhan, berusaha dengan cemerlang untuk memuliakan-Nya, dan mengaplikasikan prinsip Alkitab dalam pembelajaran serta keputusan yang berdasarkan etika.

3. *Apakah yang Alkitab katakan tentang mengurus wang?*

Alkitab menggalakkan perancangan bajet, menabung, memberi dengan murah hati, mengelakkan hutang, dan berpuas hati dengan apa yang kita miliki (Amsal 21:5, Ibrani 13:5).

4. *Mengapa penting untuk melindungi diri daripada materialisme?*

Materialisme menggalakkan sikap mementingkan diri sendiri dan mengalih perhatian kita daripada mencari sukacita dalam Tuhan dan harta yang kekal (Matius 6:19-21).

5. *Apakah yang diajarkan dalam Filipi 4:8 kepada kita tentang melindungi minda kita?*

Ia menggalakkan kita menumpukan perhatian pada apa yang benar, mulia, adil, suci, indah, terpuji, dan wajar dipuji untuk melindungi fikiran kita daripada pengaruh negatif.

2. *Apakah beberapa cara praktikal untuk menggunakan pendidikan bagi melayani Tuhan dan orang lain?*

Soalan Perbincangan: Pertimbangkan bagaimana pembelajaran dapat mempersiapkan kamu untuk pelayanan; kerjaya yang kamu pilih boleh digunakan oleh Tuhan untuk melayani atau menyumbang kepada masyarakat.

3. *Kongsikan beberapa cara kamu boleh menjadi pengurus yang baik terhadap wang, bakat, dan kebolehan kamu.*

Soalan Perbincangan: Bincangkan sukacita dan tanggungjawab dalam memberi masa, wang, dan mengembangkan kebolehan kamu supaya kamu dapat berada dalam kedudukan yang lebih baik pada masa depan untuk memberi impak positif kepada komuniti di sekeliling kamu.

4. *Apakah beberapa perkara yang kamu perlu perhatikan yang boleh membahayakan kamu? Kongsikan perkara-perkara yang perlu kamu perhatikan.*

Soalan Perbincangan: Daripada semua perkara yang disebut dalam bahagian 10.4 buku teks, kongsikan beberapa perkara yang sangat bermakna bagi kamu. Terokai strategi untuk tetap teguh dalam iman dan membuat keputusan yang bijak. Hubungan rapat dengan sesama orang percaya, keluarga, dan orang yang takut akan Tuhan. Bincangkan bagaimana kamu boleh menetapkan sempadan, aktiviti yang dilarang dan mematuhi dengan tegas, serta strategi lain.

### **Bahagian 3: Soalan-soalan Perbincangan**

1. *Bagaimanakah kamu dapat memuliakan Tuhan dengan tubuh, minda, dan roh kamu dalam kehidupan seharian kamu?*

Soalan Perbincangan: Renungkan tabiat, gaya hidup, dan pilihan kamu yang memuliakan Tuhan.

# Bab 11: Penggunaan Teknologi dan Pemuridan Secara Digital

## Ringkasan Pelajaran

### 1. Persimpangan Iman dan Teknologi:

- Teknologi mempengaruhi cara kita hidup, berhubung, dan bertumbuh secara rohani. Walaupun sumber digital dapat memperdalam iman kita, namun ia juga boleh mengganggu atau memudaratkan jika tidak digunakan dengan bertanggungjawab.

### 2. Pertumbuhan Rohani Melalui Teknologi:

- Aplikasi Alkitab, komuniti atas talian, dan siaran atas talian Kristian ialah alat yang baik untuk pertumbuhan iman. Namun, kita mesti menilai seberapa banyak masa yang kita habiskan di atas talian dan memastikan kandungannya selaras dengan Firman Tuhan.

### 3. Tingkah Laku Atas Talian yang Beretika:

- Orang Kristian dipanggil untuk mencerminkan kasih dan sifat Tuhan di atas talian dengan menggunakan kata-kata yang baik, menghormati privasi, mengelakkan kandungan yang berbahaya, dan mengamalkan kebijaksanaan rohani.

### 4. Tanda-tanda Amaran di Dunia Atas Talian:

- Masa skrin yang berlebihan, kandungan berbahaya, maklumat palsu, buli siber, dan ancaman privasi boleh membahayakan iman serta kesejahteraan kita. Kewaspadaan dan kebertanggungjawaban adalah kunci.

### 5. Peranan Kecerdasan Buatan (AI):

- AI boleh menambahbaik pembelajaran, kreativiti, dan produktiviti tetapi boleh membawa kepada kebergantungan berlebihan atau cabaran dalam etika. Hikmat dan kebijaksanaan diperlukan untuk mengemudikan penggunaannya.

## Jawapan Contoh untuk Buku Kerja Murid

### Bahagian 1 – Aktiviti-aktiviti

#### Aktiviti 1: Renungan tentang Teknologi

Kelakuan-kelakuan Atas Talian yang Beretika dan Bertanggungjawab	Aplikasi-aplikasi Praktikal
Memperhatikan perkataan-perkataan dan tindakan-tindakan kamu di atas talian	Tanya diri kamu sebelum memuat naik apa-apa: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Adakah ia benar?</li> <li>• Adakah ia baik dan perlu?</li> <li>• Adakah ia membantu, memberi maklumat, atau hanya untuk menunjuk betapa pandainya kamu?</li> </ul>
Melindungi Privasi Peribadi dan Orang Lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berhati-hati berkongsi maklumat peribadi atas talian, seperti lokasi, identiti, maklumat perhubungan, dan butiran keluarga</li> <li>• Maklumat ini boleh hilang atau dijual kepada penipu</li> <li>• Minta kebenaran jika ada sebab yang baik untuk kamu berkongsi dalam talian</li> </ul>
Mengelakkan Kandungan dan Godaan yang Berbahaya	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jangan kongsi kandungan yang tidak sesuai, ganas, penuh kebencian, atau menyinggung perasaan</li> <li>• Jangan kongsi kandungan yang melanggar privasi orang lain</li> <li>• Jauhi tingkah laku ketagihan, seperti melayari secara berterusan, bermain permainan secara berlebihan, atau penggunaan media sosial yang berlebihan, kerana ia boleh mengganggu kesejahteraan rohani, emosi, dan mental kamu</li> </ul>

Kelakuan-kelakuan Atas Talian yang Beretika dan Bertanggungjawab	Aplikasi-aplikasi Praktikal
Kebijaksanaan dalam Berkongsi dan Menerima Kandungan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semak fakta sebelum berkongsi berita, meme, atau cerita untuk mengelakkan penyebaran berita palsu</li> <li>• Pertimbangkan secara kritis nilai, pandangan dunia, dan niat di sebalik kandungan dalam talian – Adakah ia selari dengan Firman Tuhan? Apakah mesej yang disampaikan?</li> <li>• Belajar mengenal pasti taktik manipulasi dalam iklan, clickbait, atau ideologi berbahaya yang tersembunyi dalam trend media</li> </ul>
Menunjukkan Kebertanggungjawaban dan Ketelusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kongsi aktiviti dalam talian kamu dengan seorang mentor yang dipercayai, ibu bapa, atau rakan yang boleh bertanggungjawab</li> <li>• Bersikap terbuka untuk menerima teguran jika seseorang menegur tingkah laku yang tidak baik atau tidak sesuai dalam talian</li> <li>• Sentiasa menilai aktiviti dalam talian kamu dan tanya diri sendiri, serta dalam doa, sama ada ia mencerminkan apa yang Alkitab ajarkan tentang kelakuan yang baik.</li> </ul>

### Aktiviti 2: Tanda-tanda Amaran dalam Alam Atas Talian

Topik	Tanda-tanda Amaran	Langkah-langkah Tindakan
Pembaziran masa dan tempoh masa di hadapan skrin yang berlebihan	Mengabaikan kerja sekolah, senaman fizikal, bersosial, masa pembacaan Alkitab dan masa bersama keluarga kerana tempoh masa di hadapan skrin yang berlebihan	Minta murid untuk memberikan penyelesaian mereka sendiri:
Terlibat dengan Kandungan yang Berbahaya	Menonton atau berkongsi kandungan yang menggalakkan nilai-nilai yang tidak bermoral, kebencian atau keganasan. Merasakan keperluan untuk menyembunyikan aktiviti-aktiviti atas talian kamu daripada orang lain kerana rasa bersalah.	Berkomitmen untuk bertanggungjawab dengan kawan yang dipercayai.
Menyebarkan maklumat palsu dan berita yang tidak benar	Seronok berkongsi tajuk sensasi dan kontroversi tanpa menyemak sumber. Seronok dengan perhatian yang diberikan bukan sahaja kepada berita, tetapi juga kepada diri kita sendiri.	Berkomitmen untuk bertanggungjawab dan menyemak fakta sebelum memuat naik. Juga, tanyakan soalan yang sama – adakah ia benar, baik, berguna, perlu atau hanya untuk mengangkat ego sendiri.
Buli siber dan konflik atas talian	Menerima atau menghantar mesej yang tidak baik, mengejek, atau bermusuhan. Berasa terjerat dalam pertengkaran yang semakin serius atas talian.	Elakkan membalas mesej negatif atau bermusuhan. Sekat atau laporkan pengguna yang menyalahgunakan dan dapatkan sokongan jika perlu.
Pemangsa atas talian, memanipulasi fikiran (gaslighting), dan pemujuan untuk eksploitasi (grooming)	Berhati-hati dengan mesej mencurigakan terutamanya dalam kumpulan perbualan yang besar, kumpulan perbualan permainan, dan kumpulan terbuka lain di mana kamu tidak mengenali orang secara peribadi. Menerima mesej peribadi mencurigakan dari orang asing yang meminta maklumat peribadi. Orang asing atau mereka yang menyamar sebagai orang lain cuba membina hubungan dengan kamu secara mencurigakan. Tekanan untuk merahsiakan perkara atau tingkah laku yang luar biasa.	Jangan sesekali berkongsi maklumat peribadi atau bertemu dengan kenalan dalam talian tanpa pengetahuan ibu bapa. Wajah cantik atau kacak di internet mungkin sebenarnya penjenayah jahat. Sekat kenalan dan laporkan sebarang tingkah laku mencurigakan kepada ibu bapa, rakan yang dipercayai, atau pihak berkuasa.

Topik	Tanda-tanda Amaran	Langkah-langkah Tindakan
Penipuan atas talian, pancingan data (phishing) dan Isu Privasi	Emel atau mesej yang menjanjikan ganjaran besar dan tidak realistik. Mesej-mesej ini sering meminta tindakan segera. Kadang-kadang penipu bijak dan sanggup membina hubungan dengan mangsa, memujuk mangsa dan membina kepercayaan palsu sehingga mereka bersedia untuk menyerang. Pautan dari penghantar atau laman web yang tidak dikenali yang meminta kamu memberikan maklumat peribadi. Kadang-kadang hanya mesej dari laman web yang tidak dikenali yang meminta kamu menekan butang, yang tanpa kamu sedari, memberikan mereka akses kepada maklumat peribadi kamu.	Sahkan sumber sebelum mengklik pautan atau berkongsi maklumat. Gunakan kata laluan yang kuat. Pastikan kamu mempunyai pengesahan dua langkah dengan bank atau institusi kewangan kamu. Kongsi hanya maklumat yang perlu dan sesuai dengan laman web yang kamu kenali. Walaupun ketika menggunakan laman web bank – simpan pautan tersebut dalam kegemaran kamu dan gunakan pautan itu apabila kamu ingin mengakses bank. Elakkan pautan dari emel yang mendakwa ia menghubungkan bank kamu dengan mengklik pautan yang mereka berikan.
Ketagihan kepada Pengiktirafan dan Penerimaan Sosial	Sentiasa memeriksa pemberitahuan atau pengesahan dan berasa cemas atau sedih apabila hantaran tidak menerima respon yang baik.	Ambil rehat secara berkala dari media sosial. Jika kamu membuat hantaran atau komen, pastikan ia positif dengan hati yang ikhlas bahawa kamu sedang cuba membantu. Jika komen atau hantaran tersebut tidak mendapat maklum balas positif, itu adalah kerugian mereka, bukan kamu, dan kamu tidak perlu berasa sedih mengenainya. Pandangan Alkitab adalah kita harus membantu tanpa mengharapkan pengiktirafan atau ganjaran. Begitu juga, hantaran atau komen kamu dibuat dengan niat untuk membantu dan kamu tidak mencari pengiktirafan.

### **Bahagian 2 – Memahami Bab Ini**

1. *Apakah beberapa cara teknologi yang boleh digunakan untuk pertumbuhan rohani?*  
Aplikasi Alkitab, podcast, pembelajaran Alkitab atas talian, dan perkhidmatan gereja maya adalah alat untuk mendalami iman kita dan berhubung dengan komuniti Kristian.
2. *Mengapakah kebertanggungjawaban penting dalam pemuridan digital?*  
Kebertanggungjawaban membantu memastikan tingkah laku atas talian kita selari dengan nilai-nilai Alkitab dan memberikan teguran apabila diperlukan.
3. *Bagaimanakah AI boleh menjadi bermanfaat dan juga berbahaya bagi orang Kristian?*  
Kecerdasan Buatan (AI) boleh membantu dalam pendidikan dan kreativiti tetapi boleh menyebabkan kemalasan, bergantung terlalu banyak, dan dilema dalam etika.

### **Bahagian 3 – Soalan-soalan Perbincangan**

1. *Bagaimanakah kamu boleh menyeimbangkan penggunaan teknologi untuk pertumbuhan rohani dan mengelak daripada gangguan-gangguannya?*  
Soalan Perbincangan: Kongsi strategi praktikal untuk mengutamakan iman dan dalam masa yang sama menggunakan teknologi.
2. *Apakah beberapa cara untuk mengelakkan perangkap-perangkap AI dalam masa yang sama memanfaatkan kebaikan-kebaikannya?*  
Soalan Perbincangan: Terokai bagaimana AI boleh digunakan secara beretika dan bertanggungjawab.

# Bab 12: Beberapa Perkara yang Perlu Diperhatikan dalam Kehidupan Manusia

## Ringkasan Pelajaran

### 1. Kesunyian:

- Kesunyian boleh memberi kesan kepada sesiapa sahaja dan ia bukan sekadar tentang bersendirian, tetapi juga merasa terputus hubungan atau tidak disalahfahamkan.
- Alkitab mengingatkan kita bahawa Tuhan ada bersama kita, dan kita dipanggil untuk membina sebuah komuniti di mana tiada seorang pun yang berasa tersisih.
- Cara-cara praktikal untuk membantu termasuklah hadir untuk orang lain, menjemput mereka menyertai aktiviti, menawarkan bantuan praktikal, dan berdoa untuk mereka.



*Membuli adalah sebuah realiti yang kejam*

### 2. Buli:

- Buli mencerminkan kerosakan sifat kemanusiaan dan adalah bertentangan dengan reka bentuk Tuhan tentang kasih dan kebaikan.
- Ia boleh berlaku dalam pelbagai bentuk (fizikal, lisan, sosial, atau buli siber) dan memberi kesan buruk kepada semua yang terlibat.
- Orang Kristian dipanggil untuk menentang buli dengan menjadi seorang sahabat, membela mangsa, mendorong penerimaan, dan berdoa untuk perubahan.

### 3. Bunuh Diri:

- Bunuh diri mencerminkan kesakitan dan rasa putus asa yang mendalam, tetapi Alkitab mengajar bahawa setiap kehidupan adalah berharga di mata Tuhan.
- Orang Kristian dipanggil untuk menyokong individu yang sedang bergelut dengan empati, menggalakkan komunikasi, dan mendapatkan bantuan profesional jika perlu.

### 4. Bunuh Diri Berbantu:

- Alkitab menekankan kesucian hidup, walaupun dalam penderitaan.
- Penjagaan penuh belas kasihan, termasuk sokongan paliatif, kehadiran emosi, dan doa, adalah selaras dengan reka bentuk Tuhan dalam menghargai kehidupan.

## Jawapan Contoh untuk Buku Kerja Murid

### Bahagian 1 – Aktiviti-aktiviti

Aktiviti 1: Mengenal Pasti dan Mengatasi Kesunyian

Tanda-tanda Kesunyian	Bagaimana untuk Membantu
Duduk bersendirian semasa makan tengah hari	Mempelawa mereka untuk duduk bersama kumpulan kamu.
Tidak mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti	Menggalakkan mereka untuk menyertai kelab atau kumpulan.
Berasa disalahfahamkan	Mendengar dan menunjukkan empati.

## **Bahagian 2 – Memahami Bab Ini**

### **Soalan-soalan Kefahaman**

1. *Apakah yang diajarkan oleh Alkitab tentang membuli?*  
Alkitab mengajar bahawa setiap orang diciptakan menurut imej Tuhan dan harus dilayani dengan kasih dan hormat. Membuli bertentangan dengan perintah Tuhan untuk mengasihi sesama.
2. *Bagaimanakah Alkitab menegaskan nilai kehidupan berhubung dengan bunuh diri?*  
Alkitab berkata kita diciptakan dengan penuh ketakjuban dan keajaiban (Mazmur 139:13-14). Hidup adalah berharga kerana kita diciptakan menurut imej Tuhan, dan Tuhan bersama kita dalam pergumulan kita.
3. *Apakah respons Alkitab tentang bunuh diri berbantu?*  
Alkitab menekankan kesucian hidup dan menyeru kita untuk mempercayai tujuan Tuhan. Penjagaan dengan belas kasihan, termasuk sokongan paliatif dan doa, mencerminkan kasih Tuhan.
4. *Bagaimanakah kamu dapat mengenal pasti tanda-tanda amaran seseorang yang bergelut dengan pemikiran untuk membunuh diri?*  
Tanda amaran termasuk pengasingan diri, bercakap tentang putus asa, memberikan barang milik, atau membuat kenyataan seperti “Semua orang akan lebih baik tanpa saya.”
5. *Tuliskan beberapa langkah yang boleh kamu ambil jika kamu merasakan seseorang itu sedang bergelut dengan pemikiran untuk membunuh diri:*  
Langkah 1: Mendengar tanpa menghakimi.  
Langkah 2: Menggalakkan mereka berbicara dengan orang dewasa yang dipercayai.  
Langkah 3: Menghubungkan mereka dengan kaunselor atau pakar kesihatan mental.  
Langkah 4: Berdoa bersama mereka dan mengingatkan mereka tentang kasih Tuhan.

## **Bahagian 3 – Soalan-soalan Perbincangan**

1. *Bagaimanakah kamu dapat membantu membina sebuah komuniti di mana tiada sesiapa berasa sunyi atau tersisih?*  
Soalan Perbincangan: Kongsi idea praktikal untuk keterangkuman dan persahabatan.
2. *Mengapakah penting untuk mendapatkan bantuan daripada orang dewasa atau profesional yang dipercayai bagi seseorang yang bergelut dengan isu bunuh diri?*  
Soalan Perbincangan: Fikirkan tentang peranan komuniti dan sokongan pakar.
3. *Apakah pengajaran yang dapat kita pelajari daripada tokoh-tokoh Alkitab yang mengalami kesunyian, seperti Daud atau Elia?*  
Soalan Perbincangan: Bincangkan bagaimana iman mereka kepada Tuhan membantu mereka melalui masa-masa sukar.

# Bab 13: Pandangan Alkitab tentang Seksualiti

## 1. Pandangan Berdasarkan Alkitab tentang Seksualiti dalam Rencana Tuhan:

- Tuhan merencanakan hubungan seksual sebagai sebuah anugerah indah untuk perkahwinan di antara seorang lelaki dan seorang wanita (Kejadian 2:24).
- Batasan melindungi kita secara fizikal, emosi, dan rohani. Ia menyelaraskan kita dengan rancangan Tuhan yang sempurna.
- Menghormati rekaan Tuhan untuk tubuh kamu akan memuliakan-Nya dan menjaga kesejahteraan diri kamu.



Memahami batasan

## 2. Pengguguran dalam Pandangan Alkitab:

- Kehidupan adalah suci dan bermula sejak persenyawaan (Mazmur 139:13-16).
- Mendekati perbincangan tentang pengguguran dengan belas kasihan, sambil menekankan kasih Tuhan dan nilai kehidupan.
- Membela kehidupan dengan membuat pilihan yang bijak serta menyokong alternatif-alternatif seperti anak angkat atau membantu dalam membesarkan anak.

## 3. Homoseksualiti dalam Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab:

- Rekaan Tuhan untuk seksualiti adalah untuk perkahwinan di antara seorang lelaki dan seorang wanita (Kejadian 2:24).
- Bertindak terhadap orang lain dengan belas kasihan, kebaikan, dan kebenaran Alkitab.
- Tawarkan sokongan dan tunjukkan kasih tanpa menjejaskan iman kamu.

## 4. Fahaman Transgender dalam Pandangan Dunia Berdasarkan Alkitab:

- Jantina adalah sebahagian daripada rekaan Tuhan yang disengajakan, berkaitan dengan jantina secara biologi (Kejadian 1:27).
- Bertindaklah dengan belas kasihan, mengakui pergumulan tanpa mengakui fahaman-fahaman yang bertentangan dengan kebenaran Alkitab.
- Carilah sokongan dan bimbingan daripada mentor Kristian yang dipercayai serta Firman Tuhan.

## Jawapan Contoh untuk Buku Kerja Murid

### Bahagian 1 – Aktiviti

#### Aktiviti 1: Perbincangan tentang Batasan

Batasan Fizikal	Batasan Emosi	Batasan Rohani
Contoh: Mengelakkan situasi yang menjejaskan	Contoh: Mengelakkan hubungan-hubungan yang menekan kamu untuk menjejaskan nilai-nilai	Contoh: <u>Berdoa setiap hari untuk kekuatan melawan godaan</u>
Tuliskan tiga contoh lain bagi batasan fizikal		

## **Bahagian 2 – Memahami Bab Ini**

1. *Apakah tujuan Tuhan bagi seksualiti?*  
Tuhan merancang seksualiti untuk perkahwinan antara lelaki dan perempuan untuk mengeratkan ikatan perkahwinan, menghasilkan kehidupan baru, dan mencerminkan kasih perjanjian-Nya (Kejadian 2:24).
2. *Mengapakah batasan penting dalam rencana Tuhan untuk seksualiti?*  
Batasan melindungi kita daripada bahaya fizikal, emosi, dan rohani serta membantu kita menghormati reka bentuk Tuhan untuk tubuh kita (1 Tesalonika 4:3-4).
3. *Apakah yang Alkitab katakan tentang kehidupan dan pengguguran?*  
Alkitab mengajar bahawa hidup itu suci dan bermula dalam rahim (Mazmur 139:13-16). Pengguguran biasanya dilihat sebagai mengambil nyawa, yang bertentangan dengan reka bentuk Tuhan.
4. *Bagaimanakah orang Kristian boleh bertindak kepada mereka yang sedang bergelut dengan tarikan sesama jantina atau identiti jantina?*  
Orang Kristian harus bertindak dengan belas kasihan, melayani semua orang dengan bermaruah sambil tetap teguh pada kebenaran Alkitab (Yohanes 3:17, Kejadian 1:27).
5. *Apakah maksud menghormati rekaan Tuhan untuk tubuh kamu?*  
Ia bermakna menghormati Tuhan dengan memperlakukan tubuh kamu sebagai bait Roh Kudus dan melindunginya daripada bahaya (1 Korintus 6:19-20).

## **Bahagian 3 – Soalan-soalan Perbincangan**

1. *Bagaimanakah kamu dapat melindungi hati dan tubuh kamu daripada godaan-godaan dalam budaya pada hari ini?*  
Soalan Perbincangan: Dalam reka bentuk Tuhan, seks direka untuk perkahwinan antara lelaki dan perempuan. Fikirkan bagaimana dengan menunggu, kita dapat melindungi diri dan menjadi selaras dengan rancangan Tuhan untuk kasih, komitmen, dan kepercayaan.
2. *Bagaimanakah kamu boleh menyokong seseorang yang sedang menghadapi kehamilan yang tidak dirancang?*  
Soalan Perbincangan: Bincangkan cara praktikal untuk menunjukkan belas kasihan, berkongsi kebenaran Alkitab, dan memberi sokongan emosi. Dapatkan bantuan daripada para penatua yang boleh membantu; perkenalkan kepada organisasi sokongan yang membantu kehamilan yang tidak diingini dan kehamilan remaja. Terdapat organisasi berasaskan gereja atau NGO yang mempunyai kemudahan untuk memberikan sokongan bagi kehamilan sedemikian. Juga dapatkan nasihat perubatan, terutama apabila kehamilan boleh membawa bahaya kepada ibu.
3. *Apakah maknanya kepada kamu secara peribadi bahawa tubuh kamu ialah bait Roh Kudus?*  
Soalan Perbincangan: Kongsi strategi untuk menghadapi pengaruh rakan sebaya, norma masyarakat, dan pengaruh media.
4. *Bagaimanakah orang Kristian boleh menunjukkan kasih kepada seseorang yang mengenal pasti diri sebagai LGBTQ tanpa mengorbankan kebenaran Alkitab?*  
Soalan Perbincangan: Terokai cara untuk mengimbangi kasih, kebaikan, dan kebenaran dalam hubungan dan perbualan.
5. *Bagaimana kamu boleh meyakini reka bentuk Tuhan untuk jantina dan identiti ketika masyarakat berkata sebaliknya?*  
Soalan Perbincangan: Bincangkan bagaimana doa, Kitab Suci, dan mentor Kristian boleh membantu anda tetap berpegang pada kebenaran Alkitab.

# Bab 14: Pandangan Alkitab tentang Ketagihan

## 1. Pandangan Alkitab tentang Ketagihan:

- Tubuh kita ialah bait Roh Kudus dan seharusnya memuliakan Tuhan (1 Korintus 6:19-20).
- Ketagihan, sama ada kepada bahan, permainan video, atau pornografi, memberi kesan buruk kepada kehidupan fizikal, emosi, sosial, dan rohani kita.
- Kekuatan dan rahmat Tuhan sentiasa tersedia untuk mengatasi ketagihan.



## 2. Ketagihan kepada Dadah dan Bahan Terlarang:

- Ketagihan membawa kepada kesan buruk secara fizikal, emosi, undang-undang, dan rohani.
- Amalan sihat, batasan, dan mendapatkan sokongan boleh mencegah penyalahgunaan bahan.

## 3. Ketagihan kepada Permainan Video:

- Permainan video adalah sihat jika dilakukan secara sederhana tetapi tidak sihat apabila ia menjadi sebuah obsesi.
- Keseimbangan dan batasan membantu mengekalkan tumpuan kepada Tuhan dan tanggungjawab.

## 4. Ketagihan kepada Pornografi:

- Pornografi memutarbelit rencana Tuhan tentang seksualiti dan menyebabkan kesan buruk secara mental, rohani, dan hubungan.
- Mengatasi ketagihan memerlukan doa, kebertanggungjawaban, dan penggantian tabiat negatif dengan tabiat yang positif.

## Jawapan Contoh untuk Buku Kerja Murid

### Bahagian 1 – Aktiviti-aktiviti

#### Aktiviti: Pembinaan Batasan

Jenis Ketagihan	Batasan
Penyalahgunaan Bahan Terlarang	Contoh: Katakan tidak kepada parti yang menyediakan dadah atau alkohol.
Permainan Komputer	Contoh: Tetapkan had bermain selama 2 jam sehari.
Pornografi	Contoh: Pasangkan penapis internet dan elakkan laman web berisiko.

Tuliskan contoh-contoh kamu sendiri dan apakah batasan yang kamu akan tetapkan.

## **Bahagian 2 – Memahami Bab Ini**

### **Soalan-soalan Kefahaman**

1. *Apakah yang Alkitab ajarkan tentang tubuh kita?*  
Tubuh kita adalah bait Roh Kudus dan harus digunakan untuk memuliakan Tuhan (1 Korintus 6:19-20).
2. *Apakah beberapa akibat ketagihan dadah?*  
Ketagihan dadah boleh menyebabkan bahaya fizikal, pergumulan emosi, hubungan yang retak, masalah undang-undang, dan pemisahan rohani daripada Tuhan.
3. *Bagaimanakah permainan video boleh menjadi tidak sihat?*  
Permainan video menjadi tidak sihat apabila ia menggunakan masa yang berlebihan, menyebabkan pengabaian tanggungjawab, atau membawa kepada pengasingan dan ketagihan.
4. *Apakah pandangan Alkitab tentang pornografi?*  
Pornografi merosakkan reka bentuk Tuhan untuk kasih dan keintiman, menggalakkan tingkah laku berdosa, dan memisahkan kita dari rancangan Tuhan (Matius 5:28).
5. *Apakah cara-cara praktikal untuk mengatasi ketagihan?*  
Dapatkan sokongan, tetapkan sempadan, gantikan tabiat negatif dengan aktiviti positif, dan kekal berhubung dengan Tuhan.

## **Bahagian 3 – Soalan-soalan Perbincangan**

1. *Pada fikiran kamu, mengapakah Alkitab memberi amaran tentang ketagihan?*  
Soalan Perbincangan: Terokai bagaimana ketagihan mengalih perhatian kita dari tujuan Tuhan dan membahayakan kesihatan fizikal, emosi, dan rohani kita.
2. *Bagaimanakah pengaruh rakan sebaya boleh mempengaruhi penyalahgunaan bahan atau ketagihan permainan video? Bincangkan strategi untuk menahan diri.*  
Soalan Perbincangan: Bincangkan strategi untuk menolak pengaruh rakan sebaya dan tetap setia kepada Firman Tuhan.
3. *Apakah peranan kebertanggungjawaban dalam mengatasi ketagihan?*  
Soalan Perbincangan: Kongsikan contoh-contoh bagaimana rakan atau mentor yang dipercayai boleh membantu kamu kekal kuat dalam komitmen kamu.
4. *Bagaimanakah kamu boleh menggunakan hobi dan minat kamu untuk memuliakan Tuhan?*  
Soalan Perbincangan: Kongsikan hobi kamu dan sebarang pengaruh positif yang telah diberikannya kepada kamu.

# Bab 15: Bagaimanakah Orang Kristian Menjawab Soalan-soalan yang Sukar?

*Kegagalan ciptaan*



## Ringkasan Pelajaran

### 1. Bencana Alam dan Penderitaan Manusia

- Asal Usul Penderitaan menurut Alkitab: Dunia asalnya dicipta sempurna, tetapi dosa masuk melalui ketidaktaatan Adam dan Hawa, lalu membawa kepada penderitaan dan bencana alam (Kejadian 3, Roma 8:22).
- Kedaulatan dan Belas Kasihan Tuhan: Tuhan tetap berkuasa dan dekat dengan mereka yang patah hati (Mazmur 34:18), menawarkan penghiburan dan harapan walaupun dalam penderitaan.
- Penebusan dan Harapan: Tuhan menjanjikan satu ciptaan baru tanpa penderitaan (Wahyu 21:4). Orang Kristian dipanggil untuk bertindak dengan kasih, tindakan, dan kepercayaan pada rancangan agung Tuhan yang sempurna.

### 2. Perang dan Penderitaan Manusia

- Mengapa Perang Wujud: Perang adalah akibat daripada dosa manusia, seperti tamak, sombong, dan mementingkan diri sendiri (Yakobus 4:1-2).
- Kedaulatan Tuhan dan Kebebasan Memilih: Manusia diberi kebebasan memilih, tetapi Tuhan tetap berdaulat dan bekerja untuk kebaikan walaupun dalam situasi tragis (Roma 8:28).
- Janji Kedamaian: Rancangan agung Tuhan termasuklah dunia tanpa peperangan, yang digenapi melalui Yesus Kristus (Wahyu 21:4).

### 3. Penderitaan Peribadi

- Contoh-contoh Berdasarkan Alkitab: Ayub mempercayai Tuhan walaupun menderita, dan Yusuf melihat rancangan Tuhan yang lebih besar dalam ujian hidupnya (Ayub 1:21, Kejadian 50:20).
- Tujuan Penderitaan: Penderitaan membentuk ketabahan, keperibadian, dan harapan (Roma 5:3-4).
- Iman dalam Kesukaran: Percaya pada waktu dan janji Tuhan walaupun ketika kamu tidak memahami alasan penderitaan itu (Yesaya 55:8-9).

### 4. Menyokong Golongan Terpinggir

- Cara Praktikal untuk Membantu: Menjadi sukarelawan, melawat warga emas, membersihkan tempat awam, membimbing kanak-kanak, dan menunjukkan kebaikan.
- Mencerminkan Kasih Kristus: Tindakan kecil yang berbelas kasihan mencerminkan kasih Yesus kepada mereka yang memerlukan.

## **Bahagian 1 – Aktiviti-aktiviti**

### **1. Carta Sebab dan Kesan**

#### **Sebab**

Ketidaktaatan Adam dan Hawa →  
Ketamakan dan keangkuhan manusia →  
Bencana alam seperti gempa bumi →  
Ketamakan dalam perniagaan – tidak prihatin kepada alam sekitar →

#### **Kesan**

Dosa memasuki dunia, menyebabkan penderitaan.  
Perang meletus, membawa kepada penderitaan.  
Gangguan kepada kehidupan dan komuniti.  
Kemusnahan alam sekitar, perubahan iklim.

### **2. Pencarian Ayat Alkitab**

#### **Ayat Alkitab**

Roma 8:22 →  
Mazmur 34:18 →  
Wahyu 21:4 →  
Matius 5:9 →

#### **Ajaran**

Ciptaan merintih kerana kegagalan.  
Tuhan dekat dengan orang yang patah hati.  
Tuhan akan menghapuskan segala air mata dan mengakhiri penderitaan.  
Berbahagialah orang yang membawa damai.

## **Bahagian 2 – Memahami Bab Ini**

1. *Apakah yang diajarkan dalam Kejadian 3 kepada kita tentang asal usul penderitaan?*  
Kejadian 3 menunjukkan bahawa penderitaan memasuki dunia kerana ketidaktaatan Adam dan Hawa, yang membawa dosa dan kerosakan ke dalam ciptaan.
2. *Bagaimanakah Roma 8:28 memberi harapan dalam masa penderitaan?*  
Roma 8:28 mengingatkan kita bahawa Tuhan mengatur segala sesuatu untuk kebaikan bagi mereka yang mengasihi-Nya, walaupun dalam keadaan yang sukar.
3. *Apakah yang kita boleh pelajari daripada tindakan Ayub terhadap penderitaan?*  
Ayub mempercayai Tuhan dan mengakui kedaulatan-Nya, walaupun dia tidak memahami sebab-sebab penderitaannya.
4. *Apakah cara praktikal yang boleh dilakukan oleh remaja untuk menyokong golongan terpinggir?*  
Remaja boleh menjadi sukarelawan di pusat perlindungan, melawat warga emas, mengajar kanak-kanak, menyertai aktiviti pembersihan dalam komuniti, dan menunjukkan kebaikan kepada semua orang.

Soalan Perbincangan: Bincangkan peranan kebebasan dalam membuat pilihan, sifat ciptaan yang gagal, dan rancangan penebusan Tuhan.

2. *Bagaimanakah orang Kristian boleh mempercayai kedaulatan Tuhan semasa bencana alam atau peperangan?*  
Soalan Perbincangan: Kongsikan contoh dari Alkitab atau pengalaman peribadi tentang mempercayai Tuhan di saat-saat sukar. Lihatlah kehidupan Ayub, atau Elia, atau Yeremia.
3. *Apakah maksud menjadi pembawa damai dalam dunia hari ini?*  
Soalan Perbincangan: Terokai cara praktikal untuk menggalakkan keamanan dan keadilan dalam komuniti kamu.
4. *Bagaimanakah kita boleh menunjukkan kasih Tuhan kepada mereka yang sedang menderita?*  
Soalan Perbincangan: Bincangkan bagaimana tindakan kecil kebaikan boleh memberi perubahan besar dalam kehidupan seseorang.
5. *Mengapakah ianya penting untuk mencari sokongan daripada orang percaya yang lain semasa mengalami penderitaan peribadi?*  
Soalan Perbincangan: Kongsikan bagaimana menjadi sebahagian daripada gereja atau kumpulan belia telah membantu kamu atau seseorang yang kamu kenal.

## **Bahagian 3 – Soalan-soalan Perbincangan**

1. *Pada pendapat kamu, mengapakah Tuhan membenarkan penderitaan wujud di dunia?*

# Bab 16: Mengaplikasikan Pandangan Dunia berdasarkan Alkitab dalam Kehidupan Sehari-hari



*Kuasa Transformasi Roh Kudus*

## Ringkasan Pelajaran

Menghidupi sebuah pandangan dunia yang berdasarkan Alkitab bermakna membiarkan iman kamu membimbing pemikiran, perkataan, dan tindakan kamu setiap hari. Ini termasuklah mengasihi orang lain, memperjuangkan keadilan, mengampuni, menunjukkan kebaikan, dan bersikap jujur. Cabaran pasti akan muncul, tetapi bergantung kepada doa, Ayat Alkitab, dan kekuatan Tuhan akan membantu kamu mengatasinya dan memberi kesan positif kepada dunia.

## Jawapan Contoh untuk Buku Kerja Murid

### Bahagian 1 – Aktiviti-aktiviti

#### Aktiviti 1: Merenung dan Bertindak

1. Mengasihi orang lain:
  - a. Aplikasi
  - b. Rujukan Alkitab:
  - c. Manfaat:
  - d. Kesukaran:
2. Memperjuangkan Keadilan dan Kesaksamaan:
  - a. Aplikasi
  - b. Rujukan Alkitab:
  - c. Manfaat:
  - d. Kesukaran:

3. Menyampaikan Pengampunan dan Kasih Karunia Tuhan:

- a. Aplikasi
- b. Rujukan Alkitab:
- c. Manfaat:
- d. Kesukaran:

### Bahagian 2 – Memahami Bab Ini

1. *Apakah maksud menghidupi sebuah pandangan dunia berdasarkan Alkitab?*  
Mengamalkan pandangan dunia berdasarkan Alkitab bermakna membenarkan kebenaran Tuhan membimbing pemikiran, perkataan, dan tindakan kamu dalam kehidupan seharian.

2. *Mengapakah ianya penting untuk mengasihi orang lain seperti diri kamu sendiri?*  
Yesus menghendaki kita mengasihi sesama seperti diri sendiri (Matius 22:39), dan dengan berbuat demikian, kita mencerminkan kasih Tuhan kepada dunia.
3. *Apakah manfaat mencari hikmat dan bimbingan daripada Tuhan?*  
Mencari hikmat Tuhan membantu kamu kekal di jalan yang benar, mengalami ketenangan, dan membuat keputusan yang selaras dengan kehendak-Nya (Amsal 3:5-6).
4. *Mengapakah menjaga persahabatan yang baik itu penting?*  
Rakan-rakan yang kamu pilih boleh mempengaruhi pilihan dan iman kamu, menggalakkan kamu untuk lebih dekat dengan Tuhan atau menjauhkan kamu daripada-Nya (Amsal 13:20).

### **Bahagian 3 – Soalan-soalan Perbincangan**

1. *Mengapakah penting untuk mengamalkan pandangan dunia berdasarkan Alkitab?*

Perbincangan:

- Bimbingan dan Panduan
  - o Alkitab memberi kita hikmat untuk setiap aspek kehidupan—bagaimana melayani orang lain, membuat keputusan, dan berkembang secara rohani. Mazmur 119:105 berkata, “Firman-Mu lampu bagi kakiku dan cahaya bagi jalanku.” Firman Tuhan membantu kita mengemudi kehidupan dengan jelas dan yakin. Maka, pembelajaran harian Firman Tuhan adalah langkah pertama dalam mengaplikasikan pandangan dunia berdasarkan Alkitab.
- Asas Kebenaran
  - o Dalam dunia yang penuh dengan pelbagai idea dan kepercayaan, pandangan dunia berdasarkan Alkitab menyediakan asas kebenaran yang kukuh. Yesus berkata, “Akulah jalan, kebenaran, dan hidup” (Yohanes 14:6). Apabila kita mengikuti kebenaran-Nya, kita akan teguh, tidak kira apa cabaran yang datang.

- Perubahan
  - o Mengaplikasikan pandangan dunia berdasarkan Alkitab mengubah kita menjadi lebih seperti Yesus. 2 Korintus 5:17 mengingatkan kita, “Sesiapa yang ada dalam Kristus adalah ciptaan baru. Hal-hal lama telah lenyap dan segala-galanya baru.”
- Kesaksian dan Impak
  - o Apabila kita hidup menurut prinsip-prinsip Tuhan, hidup kita akan menunjukkan kasih dan rahmat-Nya kepada orang lain. Matius 5:16 memberi galakan kepada kita, “Biarlah cahayamu juga bersinar di hadapan orang ramai, supaya mereka melihat perbuatanmu yang baik lalu memuji Bapamu yang di syurga.”

2. *Apakah beberapa cara kita dapat menggunakan kuasa perubahan Roh Kudus?*  
Soalan Perbincangan – Rujuk Bahagian 16.8 dalam buku teks

3. *Mengapakah penting untuk menjaga persahabatan yang baik dalam perjalanan Kristian kita?*  
Soalan Perbincangan – Rujuk Bahagian 16.9 dalam buku teks